**Tingkat fasiliti sukan**

MS 9,10 & 21



**Menangi Peraduan!**

MS 18 & 28




PERCUMA

# BULETIN MUTIARA

MAC 1-15, 2019

BERSATU DAN SETIA

www.buletinmutiara.com | buletinmutiara | ChowKonYeow | chowkonyeow | @ChowKonYeow

# Cuaca panas
## jimat dan gunakan air secara berhemah

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP) menggesa orang ramai agar menggunakan air secara berhemah ekoran cuaca panas dan kemarau yang melanda negara kini.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, kapasiti efektif Empangan Air Itam menunjukkan penurunan secara drastik sebanyak 24.9 peratus bagi tempoh 1 Januari sehingga 18 Februari 2019.

"Kapasiti efektif di Empangan Air Itam menurun daripada 92.2 peratus kepada 67.3 peratus berbanding Empangan Teluk Bahang yang mencatat peningkatan 0.3 peratus kepada 79.1 peratus bagi tempoh tersebut.

"Taburan hujan yang rendah adalah sebab utama penurunan dramatik di Empangan Air Itam dengan tolok taburan hujan mencatatkan hanya 99 milimeter (mm).

"(Dan) sebagai perbandingan, tolok taburan hujan di Empangan Teluk Bahang mencatatkan 172.5mm sejak 1 Januari lalu," ujarnya menerusi kenyataan media bertarikh 19 Februari 2019 di sini.

Sehubungan itu, Jaseni menyatakan bahawa PBAPP telah melaksanakan langkah-langkah kawalan bekalan air musim kemarau untuk memastikan bekalan air berterusan sehingga tiba musim hujan.

"Empangan Air Itam menyimpan air mentah yang digunakan untuk operasi bekalan air di bandar Air Itam dan kawasan sekitarnya.

"Penggunaan air yang tinggi juga menjadi sebab sekunder penurunan ketara dalam kapasiti efektif Empangan Air Itam sejak 1 Januari lalu," katanya.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa pada tahun lalu, dalam tempoh 1 Januari 2018 sehingga 18 Februari 2018, purata pengambilan air harian dari Empangan Air Itam adalah 0.15 peratus sehari daripada kapasiti efektif empangan.



**PEMANDANGAN dan paras air di Empangan Air Itam yang dirakam pada 27 Februari 2019.**

"Tetapi pengambilan air harian meningkat sebanyak 327 peratus antara tempoh 1 Januari 2019 sehingga 18 Februari 2019 di bandar Air Itam dan kawasan sekitarnya, ditambah pula dengan sambutan perayaan dalam tempoh tersebut tahun ini.

"Oleh itu, PBAPP memohon kerjasama dan timbang rasa daripada semua pengguna air di Air Itam dan kawasan sekitarnya, sila kurangkan penggunaan air harian anda dengan segera.

"Rakyat juga perlu memainkan peranan mereka untuk jimat air bagi menyokong dasar 'tiada catuan air' di Pulau Pinang, dan kita (PBAPP) tidak boleh meramalkan dengan tepat bila hujan akan turun untuk mengisi semula Empangan Air Itam," jelasnya.

**Berikut adalah tips penjimatan air oleh PBAPP:**

**i. Elakkan penggunaan hos.**

**ii. Elakkan cuci kereta atau motosikal dengan kerap. Jika kotor, sila gunakan baldi, span dan kain basah untuk membersihkannya.**

**iii. Siram pokok dan tanaman anda menggunakan bekas siraman.**

**iv. Betulkan semua pili paip dan sistem tandas bocor dengan segera.**

**v. Jangan biarkan mana-mana paip mengalir begitu sahaja. Ajar anak-anak anda untuk menutup paip dengan betul.**

**Untuk tip jimat air yang lebih lanjut, sila lawati *www.pbapp.com.my*.**

# Masjid Daerah diharap jadi peneraju program imarah masjid peringkat kariah

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN -** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman mengagihkan RM1 juta dana untuk tujuan pengimarahan Masjid Negeri dan Masjid-Masjid Daerah Bagi Tahun 2019.

Ketika berucap, beliau berharap pentadbir Masjid-Masjid Daerah dapat menjadi model teladan dalam melaksanakan program-program pengimarahan dengan kepelbagaian nilai, untuk diikuti oleh penggerak-penggerak masjid di peringkat kariah.

"Masjid Daerah ini perlu menunjukkan contoh teladan kepada masjid-masjid di peringkat kariah tentang kepelbagaian program-program (pengimarahan masjid).

"Kerana, kebanyakan masjid kariah ada yang 'sunyi' sikit, mungkin Masjid-Masjid Daerah ini boleh jadi pencetus ataupun peneraju, untuk meningkatkan suasana imarah di masjid-masjid kariah berkenaan," ujar Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pengimarahan Masjid Negeri dan Masjid Daerah Tahun 2019 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini 14 Februari lalu.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP), Zulkifli Long turut menyertai majlis berkaitan.

Disaksikan Zulkifli, Ahmad Zakiyuddin menyerahkan replika cek dan cek kepada wakil pentadbir masjid-masjid berkenaan.

Mengulas lanjut, beliau memberitahu bahawa bagi tahun 2019 menyaksikan Masjid Negeri mendapat peruntukan Program Pengimarahan dan Ehya Ramadan berjumlah RM510,000, diikuti, Masjid Abdullah Fahim (RM130,000).

Menurut Ahmad Zakiyuddin, Masjid Daerah Barat Daya (DBD), Masjid Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), Masjid Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Masjid Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) masing-masing diberi peruntukan sejumlah RM90,000.




**IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (empat dari kiri) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang wakil penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pengimarahan Masjid Negeri dan Masjid Daerah Tahun 2019 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

## Amran Hazali CEO baru, ZPP sasar RM125 juta kutipan zakat 2019

**GEORGE TOWN -** Bekas Penolong Pengurus Besar Khidmat Pengurusan Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Amran Hazali, 46, dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Zakat Pulau Pinang (ZPP) baru dalam tempoh dua tahun, berkuat kuasa 1 Februari 2019.

Mengumumkan perkara itu, Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim berharap jumlah kutipan zakat bagi tahun 2019 melonjak sehingga RM125 juta, berbanding RM114 juta yang berjaya dipungut pada 2018.

"Bagi tahun 2019, dengan izin Allah, dan kemakmuran ekonomi, kita harap mendapat kutipan yang lebih daripada sasaran kita," jelasnya dalam sidang media di sini pada 22 Februari 2019.



**AMRAN Hazali.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri & Perhubungan Masyarakat serta Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang merangkap Setiausaha Majlis bagi MAINPP, Zulkifli Long.

Abdul Malik memberitahu, buat kali pertama ZPP berjaya mengutip lebih RM100 juta pada tahun 2017, dengan jumlah direkodkan sebanyak RM101 juta.

Tambahnya, ZPP berjaya mengutip RM114 juta bagi tahun 2018 walaupun sasaran asal firma subsidiari korporat 100 peratus milik MAINPP itu adalah RM103 juta.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, Amran memberitahu bahawa beliau mendapat pendidikan awal sehingga berusia 12 tahun di *Blangah Rise Primary School* dekat Singapura, sebelum berhijrah bersama-sama keluarga ke Kuala Lumpur.

Beliau mempunyai Diploma Perakaunan daripada Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Arau dan Ijazah Sarjana Muda Komunikasi (Pengurusan) daripada Universiti Utara Malaysia (UUM).

Amran mempunyai 23 tahun pengalaman dalam pengurusan zakat di Lembaga Zakat Selangor (LZS), kemudian PZZ MAIWP, sebelum dilantik sebagai CEO ZPP.




Oleh: **ME**

# Adakah lapangan terbang kedua kawasan utara perlu, apakah jenis terminal kargo bakal dikendalikan? respons Ketua Menteri

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**PANTAI JEREJAK –** Kerajaan Negeri akan memberikan pertimbangan serius terhadap impak pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (LTAK) sebelum sebarang keputusan diberikan.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mukhriz Mahathir pada kunjungan hormatnya ke Pulau Pinang baru-baru ini telah meminta sokongan Kerajaan Negeri untuk projek terbabit.

"Pada perjumpaan tersebut, kita (Kerajaan Negeri) tidak mengatakan akan menyokong ataupun menolaknya, kerana pada masa itu Datuk Mukhriz hanya memberitahu ia adalah terminal kargo bukannya (terminal) penumpang, itu yang diberitahu.

"Kita telah minta Kedah berikan laporan kelayakan, dan berdasarkan laporan yang diterima sememangnya lapangan terbang yang dicadangkan adalah terminal penumpang, bukan hanya kargo sahaja," ujarnya sambil memberitahu bahawa Menteri Pengangkutan juga mengesahkan bahawa projek LTAK belum diluluskan lagi.

Kon Yeow berkata demikian ketika ditemui sejurus Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Kerajaan Negeri Kedah melalui pengumumannya menyatakan bahawa ia telah mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan untuk LTAK dengan menggunakan dana sektor swasta.

Disoal berhubung kesan ekonomi ke atas Pulau Pinang, Kon Yeow dalam responsnya berkata bahawa ia sememangnya akan memberikan sedikit impak kepada negeri.

"Saya percaya Kedah sebelum ini melakukan kajian kemungkinan tanpa memfaktorkan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (PIA) atau melibatkan Kerajaan Negeri.

"Persoalannya, adakah lapangan terbang kedua di kawasan utara ini perlu atau pun tidak, dan apakah jenis terminal kargo yang akan dikendalikan di sana?

"Jika melibatkan produk utama, maka pelabuhan laut adalah lebih baik. Kalau produk elektronik pula, saya percaya lapangan terbang (PIA) sudah berkhidmat kepada industri dengan baik selama ini, inilah persoalan yang harus diajukan," jelasnya yang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri bercadang untuk membina lapangan terbang kedua di atas tanah ditebus dekat Batu Maung, walau bagaimanapun idea tersebut belum dimuktamadkan lagi.

"Kita telah memanjangkan cadangan ini kepada NCIA (Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara), dan daripada respons yang baru diterima memaklumkan bahawa pihak berkaitan bersedia melaksanakan kajian kebolehlaksanaan terbabit jika Kerajaan Persekutuan meluluskan dana.

"Kita (Kerajaan Negeri) telah putuskan bahawa jika tiada pembiayaan daripada Persekutuan, maka Kerajaan Negeri akan membiayai kajian berkenaan," ulasnya.

## Pertimbang wujudkan perundangan khusus berkaitan asrama babit pekerja industri

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TAMBUN -** Saiz kawasan perindustrian yang kian pesat membangun di Pulau Pinang sepatutnya menuntut kepada mewujudkan suatu perundangan khusus bagi majikan menyediakan penempatan seperti asrama pekerja sebagaimana *Westlite Accommodation* dekat Bukit Minyak, kelak.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa dengan adanya kemudahan asrama pekerja khusus terutama untuk buruh asing, ia sekaligus dapat membantu pihak berkuasa menangani isu pendatang asing tanpa izin (PATI) serta buruh asing tanpa permit sah di negeri ini.

"Lagipun, tambahnya, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sebelum ini acapkali menerima pelbagai rungutan daripada warganegara mengenai ketenteraman awam membabitkan kawasan perumahan di beberapa kawasan tertentu 'terganggu' dek penempatan buruh asing secara tak terkawal.

"Penduduk setempat mestilah ada kesedaran bahawa (cadangan majikan menyediakan asrama pekerja) ini merupakan penyelesaian dan bukan suatu masalah.

"Kerajaan Persekutuan dan (Kerajaan) Negeri wajar mengambil langkah yang tegas untuk menyelesaikan masalah (penempatan) pekerja asing," ujar Kon Yeow pada majlis perasmian pembukaan asrama pekerja dekat Bukit Minyak di sini 29 Januari lalu.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo turut berucap pada majlis itu.

Hadir sama, barisan Exco Kerajaan Negeri, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN); dan Setiausaha Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Ir. Rosnani Mahmod.

Terdahulu, Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi menyerahkan sijil siap projek kepada penyelia asrama, *Westlite Accommodation* yang dimiliki oleh syarikat swasta, *Centurion Corporation Ltd.* (Centurion).

Difahamkan, asrama pekerja itu adalah terdiri oleh tiga blok rumah pangsa 11 tingkat yang dilengkapi pelbagai kemudahan seperti lif, gimnasium, ruang rekreasi dalaman, astaka makanan, pasar raya, kedai telefon bimbit, kemudahan internet, bilik solat, gelanggang futsal, gelanggang bola tampar dan gelanggang badminton.



RUPA bentuk *Westlite Accommodation* dekat Bukit Minyak.



KETUA Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri ketika mengadakan lawatan ke unit-unit kediaman sejurus majlis pembukaan asrama pekerja *Westlite Accommodation* di sini baru-baru ini.

Tiap-tiap unit rumah pangsa yang dijadikan asrama pekerja di sini terdiri daripada empat bilik, empat katil untuk tiap-tiap bilik, membawa jumlah keseluruhan katil di *Westlite Accommodation* adalah sebanyak 6,600 katil.

Kos pemajuan asrama pekerja itu adalah kira-kira RM72.3 juta, yang mana kos sewaan kelak bakal ditanggung oleh majikan dan bukan pekerja.

Purata sewa katil bulanan di asrama itu adalah kira-kira RM130, dijangka untuk penempatan sulung kepada buruh asing pada akhir bulan Februari.

Dalam pada itu, Jagdeep menyatakan bahawa projek asrama pekerja tersebut akan menyusun semula buruh asing 'di bawah satu bumbung penempatan', ketika jumlah pekerja asing berdaftar di negeri ini adalah kira-kira 97,000 orang.

Menurut beliau, setakat ini, Kerajaan Negeri telah meluluskan pelaksanaan enam projek asrama pekerja lain, seperti *Westlite Accommodation*.

"Dua projek yang telahpun diluluskan di peringkat Kerajaan Negeri adalah di bahagian pulau, manakala bagi empat projek lain adalah di tanah besar Seberang Jaya.

"Enam asrama itu dijangka siap dalam tempoh dua hingga tiga tahun," jelasnya.

Bercakap kepada pemberita, Pengarah Urusan Perniagaan Penginapan Centurion, Tony Bin berkata, asrama terbaru mereka di Bukit Minyak adalah projek ketujuh dan yang pertama di luar Johor.

"Kadar purata penghunian asrama pekerja di negeri Johor adalah melebihi 90 peratus.

"Selepas bulan Februari ini, pihak kami menjangkakan daya huni di *Westlite Accommodation* juga mungkin akan mencapai hampir sama seperti di Johor," ujarnya.

Dengan angka 6,600 katil di *Westlite Accommodation*, ia akan membawa kepada jumlah katil untuk penempatan asrama pekerja di seluruh negara mencecah hampir 30,300 unit.

Secara umum di Singapura, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat adalah lebih 30 asrama pekerja dengan kapasiti penempatan lebih 61,000 katil.

# Operasi lif 50 skim perumahan awam negeri bakal dilengkapi CCTV

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**DATUK KERAMAT –** Bagi membendung kegiatan jenayah, operasi lif di 50 skim perumahan awam negeri bakal dilengkapi kemudahan CCTV didalamnya..

Pengumuman tersebut dibuat Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo susulan kes samun membabitkan seorang wanita yang berlaku di dalam lif dekat Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Taman Mutiara, Cheras ibu negara pada 14 Februari lalu.

Mengulas lanjut, beliau menyatakan bahawa ekoran ketetapan tersebut, Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah diminta melaksanakan pemeriksaan menyeluruh terhadap semua skim-skim perumahan awam negeri dan memastikan semua lif-lif mempunyai CCTV.

"Perkara ini telah dibangkitkan saya sebelum ini yang mana apabila kita melaksanakan projek penaiktarafan atau menggantikan lif baharu, saya selalu nasihatkan agar lif-lif ini mempunyai CCTV.

"Tetapi kini, saya telah buat keputusan dan akan arahkan Bahagian Perumahan (Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri) untuk memeriksa semua skim perumahan awam sama ada projek baharu ataupun yang telah lama, untuk memastikan semuanya beroperasi serta dipantau oleh CCTV.



Jagdeep Singh Deo.

"(Pemasangan CCTV) ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat kerana kita (Kerajaan Negeri) hendak pastikan insiden-insiden jenayah seumpamanya tidak berlaku," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat ketika mengedarkan limau mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina dekat Astaka Lorong Kulit di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Difahamkan, langkah keselamatan tersebut bakal membabitkan kira-kira 50 skim perumahan awam di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Jagdeep menyatakan bahawa bagi memastikan pemantauan CCTV berkenaan lebih efektif, beliau turut menyarankan agar nota peringatan dilekatkan di dalam lif-lif berkaitan.

"Dalam kes ini, walaupun mempunyai CCTV tapi masih berlaku jenayah, bayangkan jika tiada CCTV… justeru saya sarankan agar nota peringatan dilekatkan untuk mengingatkan dan memberi amaran kepada para pengguna bahawa lif berkenaan dikawal selia serta dipantau CCTV.

"Ini adalah perkara penting untuk keselamatan dan kebaikan semua pihak," jelasnya.

# Bazar Peduli Rakyat harap kurangkan lagi beban kos sara hidup rakyat

Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**PERMATANG PASIR -** Bekalan ikan segar antara 73 jenis barangan mentah yang ditawarkan di Bazar Peduli Rakyat @ PPK Kampung Pelet dengan potongan harga antara 5 hingga 20 peratus berbanding harga pasaran sebenar.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil berkata, pihaknya berharap penganjuran program itu dapat mengurangkan lagi beban kos sara hidup rakyat terbanyak.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir memberitahu bahawa potongan harga komoditi di bazar berkaitan adalah salah satu kaedah kerajaan untuk menggunakan elemen pasaran, demi menurunkan harga komoditi terpilih dalam pasaran sebenar kelak.

Pada masa sama, tambahnya, kerajaan juga memberi pelbagai insentif lain kepada rakyat terutama mereka yang terlibat dalam meningkatkan bekalan makanan negara, langsung dari ladang dan laut.

"Walaupun Permatang Pasir menjadi lokasi sulung bagi majlis pelancaran Bazar Peduli Rakyat ini, program ini akan diteruskan ke seluruh negara.

"Bazar ini, dengan tawaran barang keperluan rumah berkualiti, tapi potongan harga antara 5 hingga 10 peratus berbanding 'di luar sana', diharapkan akan memberi rangsangan dalam pasaran sebenar, bagi memastikan kos sara hidup rakyat dapat diturunkan lagi," jelasnya ketika merasmikan majlis pelancaran program persekutuan itu di perkarangan Pejabat Pertubuhan Peladang dekat Kampung Pelet, Kubang Semang di sini 1 Februari 2019.

Sebelum itu, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin merakamkan penghargaan kepada agensi-agensi Persekutuan berwajib kerana memilih Tapak Ekspo Seberang Jaya sebagai Pusat Pengumpulan Dan Pemasaran Hasil Pertanian bagi wilayah utara Semenanjung Malaysia.




DR. Afif Bahardin (kiri sekali) dan Muhammad Faiz Fadzil (bersongkok) menyampaikan sijil penghargaan kepada pihak-pihak berkaitan pada Majlis Pelancaran Bazar Peduli Rakyat di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Sr. Ishak Ismail pula menyatakan bahawa Program *'My Best Buy'* merupakan salah satu pendekatan utama dalam Bazar Peduli Rakyat berkaitan.

"Tumpuan produk jualan dalam bazar ini adalah meliputi sayur, buah-buahan, ikan dan ayam.

"Kita juga akan mengambil bekalan makanan langsung dari ladang serta langsung dari IKS (industri kecil dan sederhana) supaya rantaian pemasaran lebih tidak lagi melibatkan 'orang tengah' serta dapat dijual di bazar ini dengan harga yang jauh lebih murah.

"*My Best Buy* dan Bazar Peduli Rakyat ini akan diadakan mengikut jadual tetap iaitu sekali dalam sebulan, antara jam 8 pagi hingga 5 petang," ujarnya.

Bagi tahun 2019, Afif menyatakan bahawa FAMA mensasarkan RM16 juta nilai jualan kasar membabitkan 160 lokasi di seluruh negara, dengan anggaran sebanyak 1 juta pengunjung.

Menjawab soalan pemberita, beliau memberitahu bahawa nilai jualan *My Best Buy* di negeri Pulau Pinang sahaja, dalam tempoh tahun 2016 hingga 31 Disember tahun lepas direkodkan sebanyak RM1,917,364.10; penganjuran di 128 lokasi dengan penganjuran 204 kali operasi.

"Terdapat 724 usahawan terlibat di Pulau Pinang... bagi yang berminat bolehlah berurusan dengan pejabat FAMA negeri," katanya.

Ketua Pengarah FAMA, Datuk Ahmad Ishak; Ketua Pengarah LKIM, Jamaluddin Othman antara tetamu kehormat yang turut serta dalam acara sulung Bazar Peduli Rakyat di sini.

## Pimpinan perlu peka suara rakyat, ADUN ikrar beri perkhidmatan terbaik

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyarankan agar pimpinan yang dipilih menerajui kerajaan perlu peka akan suara rakyat dari semasa ke semasa.

Katanya, setelah hampir setahun Pakatan Harapan menerajui pentadbiran di peringkat Persekutuan, soal pencapaian sering menjadi topik perbualan rakyat.

"Tiada satupun kerajaan yang sempurna, yang tiada masalah langsung…pasti ada sedikit kepincangan serta kekurangan, ada juga (pimpinan kerajaan) yang memerlukan lebih masa supaya apa jua perancangan dapat dilaksanakan.

"Di Pulau Pinang, Pakatan Harapan menerajui (pentadbiran) bagi penggal ketiga dan isu-isu yang ada di negeri ini tidaklah segenting negeri-negeri yang baru ditadbir oleh Pakatan Harapan.

"(Dan) ini memberi kita (Pulau Pinang) kelebihan untuk melaksanakan dasar-dasar di peringkat negeri mahupun kerajaan tempatan.

"Oleh itu, sebagai pemimpin, kita perlu sentiasa peka akan suara rakyat, memandangkan ekspektasi tinggi diletakkan di bahu kita," ucapnya pada Majlis Perasmian Pusat Khidmat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pengkalan Kota di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Kota, Daniel Gooi Zi Sen; ADUN Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong serta barisan Ahli-ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan pimpinan lain-lain parti di bawah Pakatan Harapan.

Dalam pada itu, Zi Sen ketika ditemui berikrar memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk di Pengkalan Kota.

"KADUN Pengkalan Kota merupakan salah satu kawasan yang sedang pesat membangun.

"Saya percaya dengan sokongan daripada pimpinan parti dan Kerajaan Negeri, kita mampu memberikan (perkhidmatan) yang terbaik untuk rakyat," katanya.

Pusat Khidmat KADUN Pengkalan Kota terletak di Blok 11-1-1, Pangsapuri Pelangi, Lintang Macallum 2.

# RMM, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha gigih demi rakyat

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang sejak tahun 2008 sehingga kini telah menyediakan sebanyak 101,163 unit rumah mampu milik (RMM) di negeri ini.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata, jumlah itu adalah merangkumi rumah kos rendah (KR), kos sederhana rendah (KSR) dan RMM.

"Berdasarkan statistik terkini didapati bahawa jumlah rumah mampu milik yang siap dibina adalah sebanyak 29,924 unit, sedang dalam pembinaan (23,222) serta telah mendapat kebenaran untuk merancang 48,017 unit.

"Jumlah ini telah melebihi janji Manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei lalu, iaitu untuk menyediakan lebih 70,000 unit rumah mampu milik di negeri ini menjelang tahun 2025.

"Usaha ini tidak akan terhenti di sini, sebaliknya Kerajaan Negeri akan sentiasa berusaha dengan lebih gigih untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik di negeri ini," katanya pada sidang media di sini 26 Februari lalu.

Turut serta, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Lee Chun Kit; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; wakil daripada Bahagian Perumahan Setiausaha Kerajaan Negeri serta wakil-wakil pemaju.

Dalam perkembangan berkaitan, Jagdeep memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri juga akan membantu pembeli yang berdepan masalah kadar penolakan pinjaman tinggi melalui skim sewa beli (RTO).

Justeru, katanya, dua lagi projek perumahan di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Barat Daya (DBD) telah dikenal pasti untuk melaksanakan skim tersebut.

"Kita perlu lebih inovatif dengan mengeluarkan mekanisme berbeza bagi membolehkan pembeli dapat memiliki rumah pertama.

"Dari segi kelayakan bagi permohonan skim ini pula adalah mengguna pakai kriteria sedia ada di bawah syarat pemilikan rumah kos rendah," ujarnya yang juga ADUN Datuk Keramat.




**JAGDEEP Singh Deo (tiga dari kanan), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan jawatankuasa penganjur serta pemaju pada sidang media di sini baru-baru ini.**

## Permohonan status 'bandar raya' MPSP, tunggu diangkat ke mesyuarat kabinet sahaja - Exco

**DATUK KERAMAT -** Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang pada 31 Disember tahun lepas lagi telah mengutus surat permohonan status 'bandar raya' bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Mengulas lanjut, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo memberitahu bahawa MPSP juga layak dipertimbang mendapat status 'bandar raya'seperti Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Dalam Mesyuarat Kerajaan Tempatan, saya berjumpa dengan YB Zuraida Kamaruddin (Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan), pegawai (kementerian) menyatakan bahawa semua surat permohonan hanya tunggu diangkat ke peringkat mesyuarat kabinet sahaja," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat dalam Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina di sini 16 Februari lalu.

Mengimbau sejarah, Jagdeep memaklumkan bahawa Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika memegang portfolio Kerajaan Tempatan dulu, pernah membuat permohonan status 'bandar raya' serupa untuk Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan berjaya dinaik taraf kepada MBPP pada tahun 2015.

Justeru, beliau berharap permohonan status 'bandar raya' bagi MPSP yang sedang pihaknya usahakan, akan berjaya kelak.

Selain Kon Yeow; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Sim Tze Tzin (Timbalan Menteri Pertanian & Industri Asas Tani); Teh Lai Heng (ADUN Komtar merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri); Syerleena Abdul Rashid (ADUN Seri Delima); Ong Ah Teong (ADUN Batu Lancang); Lim Siew Khim (ADUN Sungai Pinang) dan R.S.N. Rayer (Ahli Parlimen Jelutong) turut sertai majlis berkaitan.

## 1,600 pelajar IPT terima bantuan pendidikan ZPP

**KEPALA BATAS –** Seramai 1,600 pelajar yang mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara menerima bantuan pendidikan daripada Zakat Pulau Pinang (ZPP).

Bantuan berkaitan disampaikan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Malik Abul Kassim bertempat di Dewan Millenium dekat sini.

Dalam majlis berkaitan, Abdul Malik berharap bantuan yang disalurkan sedikit-sebanyak dapat menampung pengajian penerima.

"Sebanyak RM3,901,000 disalurkan…dan ini memberi gambaran bahawa umat Islam di negeri ini adalah sangat mementingkan pendidikan.

"Semoga bantuan yang disalurkan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya dalam kelangsungan mencari kecemerlangan dalam pengajian," katanya yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah ZPP melalui kenyataan akhbar bertarikh 29 Januari 2019.

Difahamkan, pelajar yang mengikuti pengajian di peringkat ijazah sarjana muda dalam semua bidang menerima RM2,000 setiap seorang, manakala bagi peringkat pengajian diploma pula, RM1,500 setiap seorang.




**ABDUL Malik Abul Kassim (tengah) menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada majlis penyampaian bantuan pengajian di sini baru-baru ini.**

# Komtar perlu pengurusan baik agar terus jadi kemegahan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI**

**GEORGE TOWN -** Bangunan Komtar yang mula dibina pada era 70-an masih memerlukan pengurusan yang baik supaya terus menjadi lambang kemegahan negeri Pulau Pinang.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada sambutan Perayaan Chap Goh Meh 2019 Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Komtar dekat pusat membeli-belah Prangin Mall di sini 17 Februari lalu.

"Sebagai ADUN Komtar, saudara Teh Lai Heng nampaknya perlu memikul tanggungjawab tambahan iaitu menjaga pengurusan Komtar di sebalik menjaga DUN Komtar.

"ADUN Komtar juga perlu membantu PDC (Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang) menjaga pengurusan Komtar supaya ianya terus menjadi kemegahan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan juga lambang Negeri ini yang mencapai taraf bandaraya," ucapnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong pada majlis berkenaan.

Turut hadir, Lai Heng yang juga merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri; ADUN Batu Lancang, Ong Ah Teong; Ahli Majlis bagi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Wong Yuee Harng dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

Kon Yeow dalam pada itu turut menyatakan bahawa pengurusan Komtar di bawah PDC adalah amat baik walaupun pernah hampir ditinggalkan oleh kerajaan terdahulu.

"Mantan Ketua Menteri, saudara Lim Guan Eng putuskan Kerajaan Negeri untuk terus kekal di Komtar bersama MBPP, di sini juga menempatkan pejabat-pejabat bagi Kerajaan Pusat, dan Komtar terus menjadi nadi bagi negeri Pulau Pinang," ujarnya.

Antara acara menarik yang dipersembahkan ialah, tarian kebudayaan, menggaul *yee sang*, persembahan gendang Cina dan orkestra Cina.



**KETUA Menteri (tengah) bersama-sama Teh Lai Heng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri lain serta jawatankuasa penganjur menyempurnakan acara *lou sang* pada sambutan Perayaan Chap Goh Meh 2019 Peringkat DUN Komtar di sini baru-baru ini.**

## Rumah pangsa berubah wajah, wujud kawasan kejiranan selesa selaras visi *Penang2030*

**SEBERANG JAYA –** Kerja-kerja mengecat semula 12 lagi blok rumah pangsa di Bandar Seberang Jaya diteruskan bagi fasa kedua melibatkan kos keseluruhan berjumlah RM1.52 juta.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin berkata, 80 peratus kos tersebut dibiayai oleh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), manakala 20 peratus lagi ditanggung Pejabat Ahli Parlimen Permatang Pauh.

"Projek ini merupakan sebahagian daripada janji pilihan raya dalam manifesto 'Seberang Jaya Maju Bersama' yang mana kita mahu wujudkan pembangunan komuniti secara menyeluruh sehingga tidak ada yang ketinggalan.

"Saya berasa teruja ingin melihat blok-blok rumah pangsa terlibat berubah wajah dan lokasi ini akan menjadi kawasan kejiranan selesa selaras dengan visi *Penang2030* yang mahu melihat rakyat di negeri ini hidup dalam suasana lebih gembira, bersih, hijau serta selamat.

"Justeru, harapan saya selepas kita siapkan program-program ini adalah kita mahu komuniti juga terlibat secara aktif terutamanya pihak Perbadanan Pengurusan Bersama (JMB) supaya dapat menjadikan persekitaran di sini lebih baik," ucapnya pada majlis mula kerja pengecatan blok-blok rumah pangsa berkaitan di sini 17 Februari lalu.

Majlis disempurnakan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman.

Hadir sama, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar; Timbalan Pengurus Besar Kanan PDC, Mohd. Bazid Abd. Kahar; Ahli Majlis bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Shuhada Abdul Rahim serta ramai lagi.



**BEBERAPA proposal projek.**



**DR. Afif Bahardin, Mohd. Bazid Abd. Kahar dan pihak-pihak berkaitan menyempurnakan gimik Majlis Mula Kerja-Kerja Pengecatan Semula 12 Blok di Bandar Seberang Jaya di sini baru-baru ini.**

Difahamkan, projek pengecatan 12 blok rumah pangsa berkenaan bermula sejak 23 Januari lalu melibatkan blok D10, D15 hingga D19, E1 dan E2 serta B1 hingga B4 dan dijangka siap pada Julai 2019.

Dalam pada itu, Afif menjelaskan bahawa fasa pertama bagi projek berkenaan adalah melibatkan 10 blok rumah pangsa dengan kos berjumlah RM800,000 yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dan telah siap sepenuhnya pada awal tahun lepas.

"Sejak dibina 35 tahun lalu, ini kali pertama blok-blok ini dicat semula dan pada masa akan datang, kita akan usahakan untuk menambah lagi pencahayaan di kawasan ini bagi mengurangkan beberapa masalah terutamanya kes-kes jenayah," katanya yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan.

## Ulang tahun ke-50, PDC diharap terus pamer prestasi cemerlang, bawa faedah kepada pembangunan negeri

**PANTAI JEREJAK -** Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) diharap terus mempamerkan prestasi memberangsangkan sempena sambutan ulang tahun penubuhannya yang ke-50 tahun ini.

Ketua Menteri yang juga Pengerusi PDC, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow ketika berucap melahirkan harapan agar ulang tahun tersebut turut membawa banyak faedah kepada PDC dan pembangunan negeri Pulau Pinang.

"Sejajar dengan cabaran ekonomi yang dihadapi sekarang, semoga PDC akan terus kekal stabil dalam menghadapi perubahan keadaan ekonomi negara," ujarnya sempena Majlis Sambutan Tahun Baru Cina PDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus, Datuk Rosli Jaafar (mantan Pengurus Besar PDC), kakitangan PDC serta anak-anak syarikatnya.

Pengerusi Majlis Sambutan Tahun Baru Cina, Loo Chang Soo turut berucap sebelum itu.

Dalam majlis sama, Kon Yeow turut memaklumkan perkhidmatan akhir Rosli yang tamat pada Februari 2019.

"Kita (warga PDC) semua maklum, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli akan tamat perkhidmatannya, dan beliau amat berjasa kepada PDC selama ini.

"Jadi, dengan pertukaran kepimpinan yang baharu kelak, diharap PDC dapat melihat cabaran-cabaran yang ada dan terus menunjukkan prestasi baik dalam menjana serta membawa pembangunan ekonomi negeri sepertimana diharapkan apabila perbadanan ini ditubuhkan di bawah Enakmen Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang 50 tahun dahulu.

"Justeru, saya menyeru semua warga PDC untuk terus kekal bersatu padu di bawah kepimpinan PDC serta Kerajaan Negeri untuk menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang pada tahun ini dan juga tahun-tahun akan datang," serunya.

# Potensi DBD sebagai lokasi agro pelancongan, perlu dimajukan ke tahap lebih tinggi

**BATU MAUNG –** Visi 4T (*Tourism, Technology, Transportation, Tranquility*) yang dilancarkan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain khusus untuk Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) berkenaan bakal bergerak seiring dengan visi *Penang2030* yang digagaskan Ketua Menteri.

Menurut Abdul Halim, visi tersebut dilancarkannya selaras dengan *Penang2030* untuk menjadikan Pulau Pinang dalam tempoh 11 tahun akan datang sebagai sebuah negeri fokus, hijau dan pintar.

"Saya ingin jadikan kawasan Batu Maung sebagai sebuah lokasi ideal untuk didiami kerana di sini bukan sahaja mempunyai pelbagai tarikan pelancongan seperti akuarium dan paya bakau, malah juga terletak berhampiran dengan teknologi serta kawasan perindustrian.

"Justeru, kita ingin pastikan penduduk Batu Maung juga menggunakan teknologi dan menjadi penduduk pintar. Pada masa sama, pengangkutan awam akan ditambah baik, malah *Penang Transport Master Plan* juga akan memanfaatkan penduduk di sini.

"Seterusnya, dalam menjayakan *tranquility*, saya alu-alukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mahupun pihak swasta untuk menghijaukan kawasan Batu Maung ini," ujarnya yang juga Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan di sini 17 Februari lalu.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sempena penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2019 KADUN berkenaan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Wen Khai.

Hadir sama, Ahli Parlimen Bayan Baru merangkap Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin.

Seramai kira-kira 1,000 pengunjung daripada pelbagai latar belakang hadir memeriahkan sambutan rumah terbuka tersebut.

Pengunjung bukan sahaja disajikan dengan beraneka juadah tempatan seperti ais kacang, sate, mee sotong, kuah durian dan pelbagai lagi, malah turut dihiburkan dengan persembahan memukau pelajar-pelajar cilik SJKC Wen Khai.

Dalam pada itu, Tze Tzin ketika menyampaikan ucapan menyokong visi yang diketengahkan Abdul Halim, berkata bahawa beliau sendiri melihat potensi agro pelancongan yang terdapat di Daerah Barat Daya (DBD).

Menurut beliau, DBD mempunyai potensi yang cukup besar dimajukan sebagai kawasan agro pelancongan terutamanya tanaman durian.

"DBD sebenarnya ada potensi besar, namun ia kurang terserlah ekoran pelancong selalunya hanya tertumpu di kawasan Daerah Timur Laut (DTL) sahaja.

"Tanaman durian di Balik Pulau sememangnya mempunyai satu tarikan yang sangat baik untuk dimajukan, bukan sahaja orang tempatan malah juga dari seluruh pelusuk negara datang ke sini semata-mata untuk menikmati aroma rasa durian terbaik, di samping juga terkenal dalam kalangan pelancong luar negara seperti Taiwan, Hong Kong serta China," jelasnya.



ABDUL Halim Hussain, Sim Tze Tzin merakam gambar kenangan bersama-sama pengunjung cilik pada penganjuran Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina 2019 KADUN Batu Maung di sini baru-baru ini.

Namun untuk menjayakan hasrat tersebut, Tze Tzin memberitahu bahawa ia memerlukan produk agro pelancongan yang pelbagai bukan sahaja durian, tetapi resort bertaraf antarabangsa.

"Saya ingin mencadangkan kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mendapatkan pemain-pemain industri antarabangsa yang berminat untuk membina resort bersaiz sederhana di sini (DBD), yang boleh memajukan sektor agro pelancongan berkaitan ke tahap yang lebih tinggi.

"Pulau Pinang sememangnya sudah terkenal sebagai destinasi pelancongan, tahun lalu, Negeri menerima lebih 6 juta pelancong, ini adalah kelebihan untuk membangunkan segmen terbaru iaitu agro pelancongan," kata beliau.

## MPKK, buat perancangan gerak komuniti peringkat kampung



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (tengah), barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil berkaitan merakam gambar kenangan sejurus Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPKK Peringkat Daerah Barat Daya Penggal 2019/2020 di sini baru-baru ini.

Teks & Gambar : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**BAYAN LEPAS -** Sejumlah 59 Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Peringkat Daerah Barat Daya Penggal 2019/2020 yang baru menerima watikah pelantikan diharap dapat saling bekerjasama dengan Pejabat Daerah terutama para penghulu bagi mengenal pasti kawasan seliaan masing-masing.

Ketika berucap, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman memberitahu bahawa tujuan utama MPKK adalah membuat perancangan dan menggerakkan komuniti di peringkat kampung.

"Secara keseluruhan, terdapat sejumlah 59 MPKK...jumlah ini merangkumi tambahan lagi sembilan MPKK baru.

"Pertambahan ini akan menyebabkan perubahan kepada persempadanan MPKK sedia ada.

"MPKK juga merupakan perantara di peringkat akar umbi yang menyalurkan sebarang permasalahan atau aduan kepada pihak berkuasa atau pihak berkaitan, terhadap sesuatu yang timbul," ujarnya pada Majlis Penyerahan Watikah Pelantikan MPKK Peringkat Daerah Barat Daya Penggal 2019/2020 pada 14 Februari 2019 dekat Kompleks Tabung Haji di sini.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung; ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz; ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan ADUN Teluk Bahang, Zolkifly Md. Lazim turut sertai majlis tersebut.

Hadir sama, Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri dan Pengarah Tabung Haji Negeri Pulau Pinang, Abdul Shukur Jangga.

Ahmad Zakiyuddin yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat menyatakan bahawa MPKK adalah penjenamaan semula daripada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK).

"Pengerusi dan Setiausaha akan mendapat elaun (bulanan) pada kadar sama seperti tahun lepas (2018), masing-masing RM700 dan RM600," jelasnya yang juga ADUN Pinang Tunggal.

## Isu blok baharu Hospital Seberang Jaya bakal diaju MOF

**SEBERANG JAYA –** Pembinaan blok bertingkat baharu Hospital Seberang Jaya yang dijangka siap pada Jun 2020 akan mengalami kelewatan kira-kira setahun lagi ekoran langkah Kementerian Kewangan (MOF) membuka semula tender secara terbuka bagi projek berkenaan.

Bagaimanapun, Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, perkara tersebut akan diajukan kepada MOF untuk penilaian semula demi mempercepat proses pembinaan projek Persekutuan berkenaan.

"Saya faham bahawa proses tender terbuka penting untuk memastikan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan sesuatu projek, tapi dalam soal projek pembinaan hospital sebesar ini, tender terbuka perlu dilihat pada perancangan awal dan bukannya sewaktu projek sedang berjalan.

"Apabila perolehan dibuka semula secara tender terbuka, ia akan menjadi masalah koordinasi yang mana proses tender terbuka ini menyebabkan projek yang sudah sedia lewat akan bertambah lewat kira-kira setahun lagi.

"Sebab itu, saya merasakan perlu ada perbincangan bersama MOF untuk melihat beberapa prosedur di dalam kerajaan yang boleh diguna pakai bagi mempercepatkan proses pembinaan projek ini," katanya pada sidang media sempena lawatan ke tapak projek berkenaan di sini 7 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Afif menjelaskan bahawa sehingga kini hanya empat kontraktor yang telah dianugerahkan tender, manakala 15 kontraktor lagi masih dalam proses tender dan dijangka diputuskan pada hujung Februari.

"Dari segi polisi tender terbuka, kita setuju tidak ada masalah mengenainya tapi dari segi koordinasi akan menimbulkan masalah bagi projek ini.

"Oleh itu, saya perlu suarakan perkara ini kepada MOF untuk mencari penyelesaian bagi mempercepatkan projek," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya.

Difahamkan, pembinaan blok baharu berkenaan yang telah menelan kos sebanyak RM368,888,987 setakat ini dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2021.

Dalam pada itu, beliau juga turut menyentuh soal masalah parkir tidak mencukupi di hospital berkenaan yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak berkaitan.



DR. Afif Bahardin (empat dari kiri) bergambar berlatarbelakangkan struktur blok bertingkat Hospital Seberang Jaya pada lawatan khas beliau di sini baru-baru ini.

# Pembesaran stesen atas Bukit Bendera mampu tampung 1,000 pengunjung, beri lebih keselesaan

Teks & Gambar : **SUNARTI YUSOFF**

**AIR PUTIH –** Perbadanan Bukit Bendera (PHC) kini dalam proses merancang untuk memodenkan stesen atas Bukit Bendera bagi memberi lebih keselesaan kepada para pengunjung.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai berkata, kerja-kerja penambahbaikan melibatkan pembesaran ruangan menunggu, pembinaan tandas awam tambahan serta kafe yang dijangka mampu menampung sehingga 1,000 penumpang.

"Sebelum ini, stesen atas hanya boleh menampung 150 orang sahaja, dan apabila waktu hujan penumpang-penumpang terpaksa berbaris dengan payung atau memakai baju hujan.

"Walau bagaimanapun, pada tahun lepas, jumlah pengunjung yang melawat Bukit Bendera mencatatkan rekod cemerlang iaitu seramai 1.7 juta pengunjung.

"Oleh itu, pihak Perbadanan (Bukit Bendera) telah meminta fasa empat dirancang dengan ruangan menunggu yang lebih besar, ketersambungan lebih baik serta tandas awam tambahan lebih selesa," katanya dalam ucapan perasmian Kempen Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di sini pada 16 Februari lalu.

Turut serta, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba) Negeri Pulau Pinang, Saadon Mokhtar; Pengurus Besar PHC, Cheok Lay Leng; Ketua-Ketua Balai Bomba serta komuniti setempat.

Pada majlis itu juga, seramai 41 umum terdiri daripada pekerja dan penduduk setempat dilantik sebagai Pasukan Bomba Komuniti Bukit Bendera.

Difahamkan, Bomba Komuniti Bukit Bendera merupakan pasukan pertama dalam negara ditubuhkan di kawasan tanah tinggi yang mana semua anggota dilantik akan diberikan kursus secara praktikal serta amali berkaitan asas kebakaran dan tindakan awal yang perlu dilakukan sekiranya berlaku bencana.




**WONG Hon Wai (kanan sekali) bersama-sama Saadon Mokhtar (tengah) dan Cheok Lay Leng menyempurnakan gimik pelancaran Kempen Keselamatan dan Pencegahan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di sini baru-baru ini.**

# Lif Villa Condo Relau siap dinaik taraf, ADUN rakam penghargaan

**PAYA TERUBONG -** Kerja-kerja penarafan termasuk membaiki lif Villa Condo Relau siap diselenggara melalui Tabung Penyelenggaraan Maksimum 80% Pulau Pinang (TPM80PP).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin ketika melawat kawasan kediaman berstrata tersebut menzahirkan penghargaan atas kelulusan peruntukan yang dilakukan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo.

"Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang senantiasa berusaha meningkatkan kualiti hidup rakyat.

"Kita bukan sahaja mahu rakyat tahu bahawa Kerajaan Negeri hari ini adalah jaguh dalam ekonomi, malah kita mahu rakyat benar-benar merasai limpahan ekonomi seperti ada tabung dana khusus untuk selenggara kemudahan yang rosak di kawasan kediaman awam, seperti di sini," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Pelancongan, Warisan, Kebudayaan dan Kesenian di sini baru-baru ini.

Difahamkan, sejak TPM80PP diperkenalkan pada tahun 2012, lebih RM31 juta dana Kerajaan Negeri telah dibelanjakan untuk cat bangunan serta tukar ganti lif, tangki air, atap rosak di flat-flat marhaen terbanyak.



**YEOH Soon Hin (berbaju putih) bersama-sama anggota wakil persatuan penduduk setempat meninjau keadaan lif yang siap diselenggara di sini baru-baru ini.**

## Wakil rakyat dipilih perlu ikhlas beri perkhidmatan terbaik

**GEORGE TOWN –** Wakil rakyat yang dipilih pada pilihan raya umum lalu, perlu ikhlas dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk di kawasan masing-masing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata demikian ketika berucap pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Parlimen Tanjong dan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Padang Kota di sini baru-baru ini.

Menurut beliau, rakyat meletakkan ekspektasi yang tinggi terhadap pimpinan baru Pakatan Harapan.

"Mereka (rakyat) terlalu menginginkan Malaysia Baru walaupun Pakatan Harapan masih baru dalam pentadbiran di peringkat Persekutuan.

"Sebagai wakil rakyat, kita juga perlu realistik dan memahami bahawa adalah mustahil untuk Kerajaan Persekutuan menggarap segala pembaharuan yang dirancang dalam hanya beberapa bulan.

"Kami (pimpinan Pakatan Harapan) berharap rakyat boleh memberikan kami lebih masa untuk merealisasikan Malaysia Baru yang kita inginkan selama ini," katanya yang merupakan Ahli Parlimen Tanjong dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar yang turut menghadiri majlis berkenaan juga menekankan soal memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Banyak cara untuk mendekati rakyat dan memberikan perkhidmatan kepada rakyat, salah satu daripadanya adalah melawat ke rumah-rumah orang tua," katanya.

Turut hadir, Senator Lim Hui Ying serta barisan pimpinan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang.

Pada majlis berkaitan, Kon Yeow dan isteri, Puan Tan Lean Kee serta tetamu kehormat lain menyempurnakan acara menggaul *'yee sang'* dan beramah-mesra dengan pengunjung yang hadir.

# Exco rakam penghargaan KBS peruntuk RM4.1 juta naik taraf padang hoki Bertam

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BERTAM -** Kementerian Belia & Sukan (KBS) memperuntukkan RM4,141,828 untuk kerja-kerja menaik taraf padang hoki sedia ada serta pemasangan lampu limpah dan beberapa kemudahan awam lain di Kompleks Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) Bertam dekat sini.

Mengulas lanjut, Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee merakamkan penghargaan kepada Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dan Timbalan Menteri, Steven Sim Chee Keong atas kelulusan peruntukan Persekutuan untuk projek penarafan berkaitan.

Menurut beliau, Tetuan Usaha Kita Bina Sdn. Bhd. yang dilantik sebagai kontraktor akan memulakan kerja-kerja pemajuan mulai 18 Februari 2019 dan dijangka siap kira-kira setahun kemudian.

"Sejak hujung tahun 2010, padang hoki di sini ditutup untuk kegunaan awam, maksudnya sudah hampir sembilan tahun ditutup kerana kemudahan di sini mengalami kerosakan.

"Di bawah Kerajaan Persekutuan baru (pasca 9 Mei 2018), akhirnya dana disalurkan melalui Jabatan Belia dan Sukan untuk kerja-kerja penarafan stadium hoki ini," jelasnya dalam Majlis Sidang Media Tapak Bagi Projek Cadangan Menaik Taraf Padang Hoki di sini 18 Februari 2019.

Menjawab soalan pemberita, Lip Chee memberitahu bahawa sehingga kini di Pulau Pinang terdapat tiga padang hoki iaitu dekat Universiti Sains Malaysia (USM), Kompleks Sukan MPSP Jalan Betik dan Bertam.

Namun, menurut beliau, gelanggang hoki di Jalan Betik masih dalam penyelenggaraan seperti projek penarafan gelanggang hoki di Bertam berkaitan.

Selepas itu, Lip Chee yang turut diiringi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bertam, Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq dan wakil Konfederasi Hoki Malaysia Pulau Pinang turut menyaksikan Pengarah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran bagi Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Mohd. Puad Hamid menyerahkan surat pelantikan berwajib kepada pihak kontraktor berkenaan.



**KEADAAN salah satu kemudahan.**



**SOON Lip Che (duduk, tengah), Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq (empat dari kanan) memerhatikan lantai padang hoki Kompleks MPSP Bertam bersempena lawatan khas di sini baru-baru ini.**



**KEADAAN lantai padang hoki kini.**

## Projek Perumahan KSR Pintasan Cecil tempatkan semula penduduk setinggan di kediaman lebih moden

**PENGKALAN KOTA -** Penyediaan rumah mampu milik (RMM) merupakan langkah pembangunan inklusif dalam mengubah kehidupan rakyat termasuk menempatkan semula penduduk setinggan dalam kawasan perumahan yang lebih selesa dan lengkap.

Perkara tersebut dinyatakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow sempena Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Kos Sederhana Rendah (KSR) Pintasan Cecil di sini 16 Februari lalu.

Beliau memberitahu bahawa projek perumahan KSR Pintasan Cecil dibangun untuk menempatkan semula penduduk-penduduk di tanah tambun Pengkalan Weld iaitu sebuah perkampungan setinggan yang sekian lama didirikan tanpa kemudahan asas yang sempurna.

“"Melalui kerjasama Kerajaan Negeri, tiga kawasan setinggan di kawasan Tanjong telah direjuvenasikan melalui satu konsep yang diusahakan oleh YB Jagdeep.

"Langkah untuk menyusun dan menempatkan semula penduduk-penduduk setinggan ini adalah bukti ikhtiar kita (Kerajaan Negeri) untuk mengubah nasib penduduk di kawasan sedemikian supaya apabila projek penempatan semula ini dilaksanakan, penduduk setinggan dapat menikmati perumahan lebih moden dengan segala kemudahan asas yang lebih lengkap," ujarnya yang merupakan Ahli Parlimen Tanjong merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Projek satu blok 24 tingkat dengan 348 unit KSR serta kedai (9) akan dibangunkan di atas tanah seluas 2.059 ekar dengan kos pembangunan kasar (GDC) sebanyak RM55.9 juta dengan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Hadir sama, Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; Teh Lai Heng (Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri merangkap ADUN Komtar); Daniel Gooi Zi Sen (ADUN Pengkalan Kota); Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri) dan Dato' Ar. Yew Tung Seang (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP).

Menurut Kon Yeow yang juga Exco Hal Ehwal Tanah dan Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi, walaupun perumahan yang ditawarkan tersebut bukanlah bernilai tinggi, namun nilai sebenarnya apabila ia siap kurang daripada tempoh tiga tahun kelak akan melebihi RM200,000.

"Ada golongan mengatakan bahawa Kerajaan Negeri tidak membantu mereka yang memerlukan, malah ada menyatakan bantahan dengan pelbagai cara.

"Tetapi, adakah mereka sedar bahawa sekiranya projek-projek ini tidak dilaksanakan... sampai bila-bila pun mereka ini akan berada dalam keadaan sama atau bertambah sukar pada masa hadapan, jadi projek pembangunan seperti ini dapat mengubah nasib serta kehidupan rakyat yang sememangnya menjadi tanggungjawab pihak kerajaan.

"Bagi projek ini, kita berharap apabila ia siap kelak, penduduk di kawasan setinggan Pengkalan Weld dapat dipindahkan ke sini, dan di lokasi asal dapat dilaksanakan projek-projek bersesuaian dengan Tapak Warisan Dunia agar dapat memberi manfaat untuk satu golongan yang lebih besar lagi.

"Saya percaya, pasaran perumahan di Pulau Pinang akan terus berada di tahap yang baik selagi permintaan untuk unit-unit kediaman daripada golongan pertengahan, sederhana dan berpendapatan rendah dipenuhi," jelasnya.

## Masalah kesihatan mental kanak-kanak dan remaja perlu diatasi bersama

**GEORGE TOWN -** Statistik Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2017 mendedahkan bahawa masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja dan kanak-kanak adalah semakin membimbangkan.

Menyedari hal itu, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO), *Kiwanis Club of Penang Central* (Kiwanis) dengan kerjasama Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental Hospital Pulau Pinang (HPP) mengambil inisiatif khas menganjurkan pelbagai siri program bual bicara, forum dan latihan sepanjang tahun ini bagi memberi kesedaran umum berhubung perkara berkaitan.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang hadir merasmikan segmen bual bicara *Depression and Suicide in Children and Management* baru-baru ini berkata, program-program kesedaran mengenai kesihatan mental kanak-kanak dan remaja yang dinaungi Kiwanis dan HPP itu telah dimulakan semenjak bulan lalu.

"Untuk mengetahui dan mendalami masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja ini, kita perlu memahaminya dengan lebih mendalam terlebih dahulu, apakah punca penyebabnya.

"Masalah kesihatan mental adalah isu penting yang harus diatasi secara bersama, buangkan stigma negatif anggapan masyarakat mengenainya.

"Isu ini harus diketengahkan dan ditangani dengan berkesan oleh pelbagai pihak, bukan sahaja dalam kalangan keluarga, masyarakat.... malah pemimpin seperti Hannah Yeoh (Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat) serta Tan Sri Lee Lam Thye (Penaung Persatuan Psikatri Malaysia) juga seringkali membicarakan hal ini untuk memberikan lebih banyak kesedaran kepada umum," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada penganjuran berkaitan di sini 16 Februari lalu.

Difahamkan, Ramasamy juga merupakan antara pemimpin yang banyak menyokong penganjuran program kesihatan mental berkenaan dan turut memberikan sumbangan kepada Kiwanis untuk menganjurkan program berkaitan.

Hadir sama, Presiden Kiwanis, Datuk Wong Siew Hai dan Dr. Lee Sze Chet (Doktor Psikiatri di Hospital Pulau Pinang merangkap penceramah jemputan).

Kira-kira 100 jemputan dalam kalangan ibu bapa, guru, orang perseorangan dan badan bukan kerajaan (NGO) hadir pada program tersebut.

# Ambil alih premis rekreasi awam demi kemudahan, tingkat kualiti hidup rakyat

Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TELOK AYER TAWAR -** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telok Ayer Tawar, Mustafa Kamal Ahmad merakamkan penghargaan kepada semua pihak berwajib kerana beberapa kemudahan awam seperti gimnasium, lapangan papan luncur ekstrem, gelanggang futsal berhampiran Pantai Robina berjaya diambil alih semula pihak Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

Menurutnya, walaupun Kerajaan Negeri berpindah tangan sejak 2008, namun selama 10 tahun sebelum ini menyaksikan semua kemudahan rekreasi itu masih 'dikuasai' oleh pihak-pihak tertentu.

Justeru, pada 31 Januari lalu, Mustafa Kamal menerima serahan kunci premis-premis awam daripada Exco Belia & Sukan, Soon Lip Chee untuk diselia Pusat Khidmat Rakyat Telok Ayer Tawar dan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) setempat.

"Walaupun pelbagai cara digunakan, dalam tempoh 10 tahun itu (2008 hinggga 2018), kita tak dapat ambil alih kembali beberapa kemudahan rekreasi di sini.

"10 tahun tunggu, kini baru boleh ambil alih premis rekreasi awam.

"Jadi, akan kita guna sepenuhnya kemudahan-kemudahan ini demi meningkatkan kualiti hidup rakyat," jelasnya dalam sidang media di sini.

Beliau dalam pada itu berharap pihak Lip Chee dapat membiayai tukar ganti semua peralatan sukan di gimnasium tersebut, sementara Pejabat Daerah Seberang Perai Utara (SPU) pula mempercepatkan kerja-kerja menaik taraf struktur binaan kemudahan asas yang rosak akibat perbuatan vandalisme di sini.

"Program berkala iaitu 'Telok Ayer Tawar Sihat' akan dilaksanakan pada setiap hari Ahad, maka segala kemudahan rekreasi di sini adalah sangat diperlukan oleh penduduk setempat," ujar Mustafa Kamal sambil menyatakan hasrat untuk membina sebuah gelanggang bola jaring bagi menggalakkan partisipasi wanita ke kawasan rekreasi pantai di sini.

Lip Chee yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal turut mengarahkan MPKK supaya mengenal pasti premis-premis awam yang masih dikuasai pihak-pihak berkaitan supaya proses pengambilalihan dapat dilaksanakan kelak seperti di kawasan rekreasi Taman Robina.



RUPA bentuk gimnasium Taman Wira, Pantai Robina.



SOON Lip Chee (kiri sekali) dan Mustafa Kamal Ahmad membuat pemeriksaan terhadap beberapa peralatan gimnasium bersempena lawatan di sini baru-baru ini.

## Gabungan sukarelawan nelayan demi gerak kerja lebih bersepadu

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**BATU MAUNG -** Persatuan Nelayan Pulau Pinang mencadangkan agar ditubuhkan badan gabungan sukarelawan nelayan di bawah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) Pulau Pinang bagi memastikan gerak kerja lebih bersepadu terutamanya dalam menangani kes-kes kemalangan serta kecemasan.

Pengerusinya, Nazri Ahmad berkata, LKIM kini mempunyai pasukan sukarelawannya, Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN), manakala di bawah DOF dikenali sebagai Sukarelawan Perikanan (SUPER).

"Sekiranya pasukan-pasukan sukarelawan ini digabungkan di bawah satu badan gabungan bersama-sama persatuan, fungsi nelayan dalam aktiviti kesukarelawan dapat dioptimumkan.

"Malah, pihak persatuan juga dapat membantu dalam operasi SAR (mencari dan menyelamat), kes kemalangan di laut, terjun jambatan dan lain-lain.

"(Dan) ini, kita (persatuan) anggap ia sebagai CSR (tanggungjawab sosial korporat) kepada masyarakat," ujarnya dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Nazri memberitahu bahawa pihaknya akan berjumpa dengan LKIM dan DOF bagi membincangkan cadangan tersebut dan mekanisme yang perlu bagi melaksanakan ia.

"Sebagai 'penghuni' terbanyak di laut, penglibatan nelayan di dalam SAR termasuk menyelamat beberapa mangsa terjun jambatan tidak dapat dinafikan," jelas beliau.



NAZRI Ahmad.




# Program latihan bantu pelajar punyai masalah kurang ketahanan mental

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Seramai 600 pendidik terdiri daripada guru kaunseling, disiplin dan pelatih termasuk pensyarah mengambil bahagian dalam program Latihan Super Skills For Life yang diadakan dekat Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pulau Pinang di sini.

Program tersebut dirasmikan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Menurut Ramasamy, penganjuran program berkenaan adalah bertujuan memberikan latihan kepada guru-guru dalam bidang kaunseling dan yang berkaitan dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar di sekolah sama ada sekolah rendah mahu pun menengah.

“Dalam kita memfokuskan strategi untuk meningkatkan mutu pendidikan negara, kadangkala kita terlepas pandang sebahagian masyarakat yang mempunyai kurang kepakaran atau ketahanan mental yang sepatutnya diberikan perhatian.

“Bagi pihak Kerajaan Negeri, kita sedar akan pentingnya ketahanan diri dan emosi untuk menjalani kehidupan sejahtera terutamanya kanak-kanak dan remaja.

“Oleh itu, inisiatif ini dijalankan di samping program-program lain pada masa akan datang sebagai tanggungjawab kolektif kerajaan untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai masalah kurang ketahanan mental supaya mereka tidak tertinggal dalam arus pendidikan negara dan pada masa sama kita memberikan latihan diperlukan golongan berkaitan,” katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai pada majlis berkaitan.

Turut berucap, Timbalan Pengarah IPG Kampus Pulau Pinang, Abdul Latib Abdul Rahman yang menyatakan bahawa penganjuran program berkenaan penting kepada guru-guru sebagai platform untuk berkongsi pengalaman dalam usaha menangani masalah disiplin pelajar-pelajar di sekolah khususnya yang berkaitan dengan emosi.



**PROF. Dr. P. Ramasamy (barisan hadapan, lima dari kiri) bergambar bersama-sama jawatankuasa penganjur, para peserta dan pihak-pihak berkaitan pada penganjuran program Latihan Super Skills For Life di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, Abdul Rashid Abdul Samad; Pengarah Pusat Penyelidikan Gunaan dan Penilaian Kesejahteraan Kanak-Kanak dan Remaja Universiti Reohampton, United Kingdom, Prof. Dr. Cecilia A. Essau; Pengerusi Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia Cawangan Pulau Pinang, Ng Weng Tutt serta ramai lagi.

Mengulas lanjut, Ramasamy menjelaskan bahawa seorang daripada lima remaja di negara ini mengalami masalah kemurungan, manakala seorang daripada 10 orang remaja pula mengalami tekanan emosi.

“Statistik ini adalah berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2017 yang dijalankan oleh Institut Kesihatan Umum, Kementerian Kesihatan yang menunjukkan bahawa masalah kesihatan mental adalah suatu isu yang amat membimbangkan.

“Justeru, menyedari hakikat itu, Majlis Pendidikan Negeri Pulau Pinang pada setiap tahun telah membiayai program-program yang menyentuh soal kesedaran dan intervensi kesihatan mental agar masalah-masalah seperti ini dapat diatasi,” jelasnya.

## Projek My Seri Delima demi perkuasakan komuniti setempat

**SERI DELIMA -** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memuji inisiatif diambil Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid ekoran memperkenalkan Projek My Seri Delima bagi memperkuasakan komuniti setempat.

Menurutnya, inisiatif tersebut adalah selaras dengan visi *Penang2030* yang memberi tumpuan terhadap kesejahteraan keluarga.

"Saya percaya fokus utama inisiatif My Seri Delima adalah untuk kesejahteraan komuniti di sini.

"(Dan) sebagai wakil rakyat, inisiatif tersebut akan membolehkan komuniti setempat memainkan peranannya dengan lebih efektif, " ucap beliau pada Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima di Dewan MPKK Island Park dekat sini 14 Februari lalu.

Dalam pada itu, Syerleena ketika ditemui berkata, Projek My Seri Delima adalah kerangka misi untuk tempoh lima tahun dalam memastikan keselesaan dan keselamatan komuniti setempat.

"Ia juga akan memberi 'kuasa' untuk komuniti setempat berkongsi idea serta pandangan dalam membangunkan Seri Delima," katanya yang turut percaya bahawa penganjuran rumah terbuka seperti itu merupakan salah satu medium perpaduan kaum yang bukan sahaja menyatupadukan malah juga meraikan perbezaan.



**SYERLEENA Abdul Rashid.**

Terdahulu, ketibaan Ketua Menteri dan isteri, Puan Tan Lean Kee disambut meriah dengan paluan gendang Cina dan tarian singa diikuti dengan acara *lou sang*.

Para tetamu juga berkesempatan untuk menyertai acara cabutan bertuah yang pastinya menyediakan hadiah menarik.

Majlis Rumah Terbuka Tahun Baru Cina KADUN Seri Delima dianjurkan oleh Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Island Park dan Greenlane Heights.



| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.26 PADANG KOTA**<br>YAB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| **N.03 PINANG TUNGGAL**<br>YB Dato' Ir. Zakiyuddin Abdul Rahman | (T) 04 - 575 6526<br>(F) 04 - 575 6526 |
| **N.16 PERAI**<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 383 9131<br>(F) 04 - 383 9131 |
| **N.07 SUNGAI PUYU**<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| **N.10 SEBERANG JAYA**<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109<br>(F) 04 - 390 5109 |
| **N.15 PADANG LALANG**<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028<br>(F) 04 - 530 3028 |
| **N.29 DATO' KERAMAT**<br>YB Jagdeep Singh Deo<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| **N.37 BATU MAUNG**<br>YB Dato' Haji Abdul Halim Hussain<br>pusatkhidmatn37@gmail.com | (T) 04 - 626 1442<br>(F) 04 - 626 1442 |
| **N.08 BAGAN JERMAL**<br>YB Soon Lip Chee | (T) 04 - 331 0163 |
| **N.22 TANJONG BUNGA**<br>YB Zairil Khir Johari | (T) 04 - 890 3866 |
| **N.34 PAYA TERUBONG**<br>YB Yeoh Soon Hin | (T) 04 - 827 8868<br>(F) 04 - 827 8868 |
| **N.28 KOMTAR**<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| **N.02 BERTAM**<br>YB Khaliq Mehtab Mohd. Ishaq | (T) 013 - 430 6400<br>(P) 04 - 576 7606 |
| **N.06 TELOK AYER TAWAR**<br>YB Mustafa Kamal<br>mustafakamal.mkba@gmail.com | (T) 04 - 351 1732 |
| **N.09 BAGAN DALAM**<br>YB Satees A/L Muniandy<br>n9.bagandalam@gmail.com | (T) 04 - 313 3990 |
| **N.11 PERMATANG PASIR**<br>YB Muhammad Faiz Bin Fadzil<br>faizfadzilamanah@gmail.com | (T) 04 - 521 1106 |
| **N.12 PENANTI**<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| **N.13 BERAPIT**<br>YB Heng Lee Lee<br>berapit@dappg.org | (T) 017 - 813 3509<br>(F) 04 - 540 0006 |
| **N.14 MACHANG BUBOK**<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| **N.17 BUKIT TENGAH**<br>YB Gooi Hsiao-Leung<br>gooihsiaoleung@penang.gov.my | (T) 04 - 507 5001<br>(F) 04 - 507 5001 |
| **N.18 BUKIT TAMBUN**<br>YB Goh Choon Aik | (T) 04 - 502 5818<br>(F) 04 - 506 2138 |
| **N.19 JAWI**<br>YB H'ng Mooi Lye<br>jawi@dappg.org | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| **N.20 SUNGAI BAKAP**<br>YB Dr. Amar Pritpal Abdullah<br>ybadunsungaibakapn20@gmail.com | (T) |
| **N.21 SUNGAI ACHEH**<br>YB Zulkifli Ibrahim<br>n21adunsgacheh@gmail.com | (T) |
| **N.23 AIR PUTIH**<br>YB Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| **N.24 KEBUN BUNGA**<br>YB Jason Ong Khan Lee<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| **N.25 PULAU TIKUS**<br>YB Lee Chun Kit<br>pulautikus@dappg.org | (T) 04 - 228 5298<br>(F) 04 - 229 4294 |
| **N.27 PENGKALAN KOTA**<br>YB Gooi Zi Sen<br>pengkalankota@dappg.org | (T) 04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| **N.30 SUNGAI PINANG**<br>YB Lim Siew Khim<br>limsiewkhim@penang.gov.my | (T) 04 - 657 6630<br>(F) 04 - 658 6630 |
| **N.31 BATU LANCANG**<br>YB Ong Ah Teong<br>batulancang@dappg.org | (T) 04 - 280 4411<br>(F) 04 - 280 4422 |
| **N.32 SERI DELIMA**<br>YB Syerleena Abdul Rashid<br>32seridelima@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 5611 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.33 AIR ITAM**<br>YB Joseph Ng Soon Siang<br>airitam@dappg.org | (T) 04 - 829 9143 |
| **N.35 BATU UBAN**<br>YB Kumaresan A/L Aramugam<br>kumar.harapan35@gmail.com | (T) 04 - 668 1062<br>(F) 04 - 668 1062 |
| **N.36 PANTAI JEREJAK**<br>YB Dato' Saifuddin Nasution | (T) |
| **N.38 BAYAN LEPAS**<br>YB Azrul Mahathir Aziz<br>ambasegaria.aam@gmail.com | (T) 04 - 649 3976<br>(F) 04 - 649 3976 |
| **N.39 PULAU BETONG**<br>YB Haji Mohd. Tuah Ismail | (T) 04 - 866 0214 |
| **N.40 TELUK BAHANG**<br>YB Zolkifly Md. Lazim | (T) |
| **DAP PENANG HQ**<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| **PKR PENANG HQ** | (T) 04 - 397 0115 |
| - | (T) |

| NAMA ADUN PEMBANGKANG | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>YB Ustaz Yusni Mat Piah | (T) |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>YB Nor Hafizah Othman | (T) |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| **N.01 PENAGA**<br>Md. Khalil Salleh<br>novafast63@gmail.com | (T) 012 - 598 4881 |
| **N.04 PERMATANG BERANGAN**<br>Dato' Jasmin Mohamad<br>jmmohamed002@gmail.com | (T) 018 - 468 6610 |
| **N.05 SUNGAI DUA**<br>Yusri Isahak<br>ysrregnot@gmail.com | (T) 019 - 337 4055 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637 |
| ANGKATAN PERTAHANAN AWAM | 04-228 9012 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## Program-Program Emas




Program-Program Emas Kerajaan Negeri Pulau Pinang

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| Anuar Yusoff | 016 - 461 6390 |
| A'ziss Zainal Abiddin | 017 - 938 9192 |
| Cheen Goon Hooi | 012 - 402 0923 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| Dr. Seow Kweng Tian | 012 - 507 2229 |
| Heng Yeh Shiuan | 016 - 261 2460 |
| Jason Raj a/l Kirupanantha | 014 - 905 8113 |
| Johnson a/l Anthonysamy | 012 - 424 5745 |
| Kang Yau Chuang | 010 - 829 3904 |
| Khong Chee Seong | 011 - 1522 6628 |
| Kumaran A/L Krishnan | 012 - 464 4697 |
| Marshidaliza Marzuki | 011 - 3929 9023 |
| Mohd Saifullah Abd. Nasir | 013 - 770 1001<br>013 - 503 3349 |
| Mohd Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Mohamad Akmal Azhar | 019 - 518 5145 |
| Ong Jing Cheng | 012 - 758 3779<br>016 - 445 5709 |
| Ooi Yong Wooi | 016 - 421 1196 |
| Shuhada Abdul Rahim | 010 - 380 7672 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tengku Rasidah Tengku Kamarudin | 019 - 473 1323 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115 |
| Zulkiply Ishak | 013 - 431 6161 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Yeap Choon Keong | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 013 - 449 0366 |
| 2. | Velan A/L Kalimuthu | Barat Daya | | 018 - 394 4537 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorthy | Seberang Perai Tengah | | 019 - 457 2271 |
| 5. | Vadi Velan A/L Subramaniam | Seberang Perai Selatan | | 011 - 1144 1816 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2019

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 019 - 541 4818 |
| Aidi Akhbal Mohamed Zainon | 012 - 464 3004 |
| Azahari Aris | 016 - 499 2580 |
| Azli Ibrahim | 011 - 2432 9007 |
| Dr. Chee Heng Leng | 017 - 333 9366 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Gerald Mak Mun Keong | 016 - 452 6499 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Hari Krishnan a/l Ramakrishnan | 010 - 505 5571 |
| Harvindar Singh a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Kaliyappan a/l P. Renganathan | 012 - 407 7276 |
| Latifah Hussainsa | 013 - 436 1999 |
| Nurliyana Mohd Ramzi | 011 - 3922 4080 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Ong Kean Peng | 012 - 629 1133 |
| Rohaizat Hamid | 019 - 510 0075 |
| Saiful Azwan Abd. Malik | 016 - 463 2787 |
| Shahrudin Mohamed Shariff | 012 - 428 3160 |
| Shung Yin Ni | 012 - 413 9246 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Tan Seng Keat | 012 - 438 6191 |
| Theng Jie Wey | 016 - 418 7108 |
| Vino Dini a/p Chandragason Pitchy | 016 - 439 9358 |
| Wong Yuee Harng | 016 - 439 9121 |


## SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI
SUNARTI YUSOFF

**Jurugambar/Juruvideo:**
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA MOHD. DAUD
ALVIE CHENG CHIN WEI
NOOR SITI NABILAH NOORAZIS
CHAN KOK KUAN
ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
NUR AFIQAH ZAINUDI

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

**Editor BULETIN MUTIARA,**
Tingkat 47, Komtar, 10503 Penang
Telefon : 04-650 5468 ; Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com



Layari
www.buletinmutiara.com
buletinmutiara | ChowKonYeow
chowkonyeow
@chowkonyeow

# PSC sasar latih mahir *coding*, jana inovasi dalam diri pelajar



OOI Peng Ee.

**SEHINGGA** kini, hampir ratusan sekolah telah didedah dengan kelas asas pengekodan *(coding)* secara percuma, membabitkan pelajar peringkat rendah dan menengah.

Kira-kira 61,000 pelajar telah dilatih pada tahun pertama penganjuran kelas asas pengekodan berkaitan, diikuti, lebih 80,000 pelajar pada tahun kedua pelaksanaan.

Semuanya diselia oleh tenaga pengajar terlatih berpusat di Kafe Sains Pulau Pinang (PSC) dekat Wisma Yeap Chor Ee, George Town.

Ooi Peng Ee, sebagai Ketua Pegawai Eksekutif PSC memberitahu bahawa pihaknya dalam tahun 2019 mensasarkan 100,000 murid sekolah rendah dan menengah di Pulau Pinang akan didedah pada kelas asas pengekodan berkenaan.

"Kita sasar 100,000 pelajar sekolah dapat belajar skema pengekodan *(coding)*, ini projek dipanggil *'coding for all'*...percuma," katanya dalam sesi wawancara bersama-sama wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini.

## Fokus PSC

Pada tahun 2009, Kerajaan Negeri dengan beberapa penggerak industri di Pulau Pinang menubuhkan PSC.

Mereka, antaranya *SPA, B Braun, Intel*, Perniagaan Wise, *Dreamcatcher, Exabytes, Motorola, Minicircuits* dan *National Instruments*.

Peng Ee dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) PSC atas pengalamannya selama lebih 30 tahun dalam syarikat multinasional seperti *National Semiconductor, Hewlett-Packard, Agilent Technologies* dan *Avago Technologies*, memegang pelbagai jawatan dengan fungsi yang variasi.

Menerusi PSC, beliau diberi fokus untuk mencetuskan minat pelajar sekolah dalam bidang STEM atau sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik.

Malah, Peng Ee juga diminta memupuk budaya kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar yang dilatih secara berperingkat membabitkan program-program PSC.

"Pihak sekolah tidak perlu menyewa bas untuk datang ke PSC (dekat Wisma Yeap Chor Ee), kerana program asas pengekodan ini kita (PSC) bawa terus ke sekolah anda.

"Selagi ada minat dalam STEM, ada semangat untuk menjana inovasi dan kreativiti, bakat pelajar-pelajar yang dilatih oleh tenaga pengajar PSC ada peluang untuk dikembangkan.

"Sekarang kita ada tiga kenderaan dan 40 komputer riba, cukup untuk dibawa ke sekolah anda bagi melaksanakan kelas asas pengekodan ini.

"Kelas ini bukan berlangsung secara teori, tapi pelajar-pelajar boleh cipta permainan video *(video game)* mereka sendiri, ia dicipta oleh tangan pelajar sendiri, bukan jurulatih PSC," ujarnya.

## Jana Kreativiti, Inovasi

Tambah Peng Ee, PSC juga ada menyediakan Program 'Tech-Mentor' kepada pelajar yang berminat untuk dilatih secara lebih mendalam lagi dalam skema pengekodan.

Selain pendedahan mengenai skema pengekodan, sebenarnya ada pelbagai lagi perkara menarik untuk pelajar menimba ilmu serta pengalaman dengan berkunjung ke PSC.

Antaranya, menurut beliau, adalah *Lego Robotics, Agrotech, Enovate & Balance System* serta *Radio Astronomy*.

"Semua yang saya sebut ini ada di sini, dan ada yang kita bawa terus ke sekolah untuk didedahkan kepada para pelajar.

"Ini semua adalah kemahiran pada masa hadapan *(future skill)*, seperti *3D printing*.

"Ada di PSC ini, pelatih dibentuk dalam berkumpulan untuk menghasilkan satu-satu prototaip, untuk tujuan pendidikan dan bukan ke peringkat komersial industri lagi.

"Dalam kumpulan, mereka akan diberikan beberapa simulasi masalah, diminta untuk saling berbincang, lalu, jana solusi secara kreatif dan inovatif serta cipta prototaip.

"Hasil ciptaan prototaip ini kemudiannya dibentangkan di PSC," jelasnya sambil memberitahu bahawa peruntukan tahunan Kerajaan Negeri sejumlah RM2 juta adalah sangat berbaloi dalam melahirkan lebih ramai bakat muda di Pulau Pinang.

Mengulas lanjut, Ooi menyatakan bahawa di PSC memang ada sesi perbentangan prototaip untuk perusahaan komersial dan pelaburan dalam industri.

Tapi, 'versi kanak-kanak' membabitkan pelajar sekolah memang untuk tujuan pendidikan semata-mata.

"PSC ini memang nak menyediakan bakat untuk masa depan, sebab memang kita tak tahu teknologi apa lagi yang akan timbul, kerana ketika inipun dunia teknologi sedang berkembang begitu pantas," katanya.



SALAH satu ruang bahagian bengkel di PSC.




DEKORASI dalaman PSC memenuhi citarasa remaja.

## Harapan

Beliau bangga sebagai anak jati Pulau Pinang.

Berpeluang untuk melatih bakat muda di PSC juga suatu kebanggaan bagi Peng Ee.

"Sebagai anak jati Pulau Pinang, kita yang telah ada karier bagus mesti melakukan sesuatu untuk anak-anak kecil kita di Pulau Pinang.

"Pulau Pinang sangat bertuah kerana ada banyak kilang besar di negeri ini.

"Maka, dengan adanya pelbagai aktiviti pengeluaran dalam industri, secara tak langsung akan mewujudkan inovasi dan kreativiti dalam pengeluaran.

"Tanpa ada aktiviti pengeluaran, manusia sangat sukar menjana inovasi.

"Inovasi tidak boleh wujud dengan dirinya sendiri, mesti ada pengeluaran, seperti dengan adanya kilang ataupun akan datang mungkin LRT (transit aliran ringan) akan wujud di Bayan Lepas ke George Town, di PSC nanti mungkin akan mewujudkan prototaip untuk OKU (orang kurang upaya) dan mesra warga emas menggunakan sistem pengangkutan awam itu.

"Kalau tiada rancangan mewujudkan LRT umpamanya, maka tak ada aktiviti pengeluaran, mungkin usaha pelatih PSC menjana inovasi untuk menghasilkan satu-satu prototaip tertentu mungkin tak wujud," ujarnya.

Peng Ee dalam pada itu turut merakamkan penghargaan kepada Ketua Menteri pertama Pulau Pinang, mendiang Wong Paw Nee yang memulakan usaha mewujudkan zon perindustrian bebas di Perai dan Bayan Baru.

"Dengan wujudnya zon perindustrian di Pulau Pinang, ada industri besar mengambil bahagian dalam penubuhan PSC.

"Dan, lebih penting, usaha menjana kreativiti dan inovasi dalam bidang pendidikan para pelajar di PSC ini boleh wujud, kerana adanya aktiviti pengeluaran babit syarikat-syarikat multinasional terkenal di zon-zon perindustrian bebas negeri," jelas beliau.

# Pulau Pinang, Bandar Gigabit pertama dalam negara

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALVIE CHENG**

**GEORGE TOWN** – Penyedia perkhidmatan internet terkemuka di Malaysia, TIME dotcom Berhad (TIME dotcom) memilih Pulau Pinang sebagai perintis bagi melancarkan infrastruktur jalur lebar dengan gentian optik dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Afzal Abdul Rahim berkata, dengan pelaksanaan tersebut, Pulau Pinang akan menjadi peneraju era digital negara.

"Syarikat kami (TIME dotCom) sentiasa menyokong inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang ke arah *Penang2030* dan salah satu perkara utama yang diperlukan adalah infrastruktur gentian optik dan kesalinghubungan yang baik.

"(Hal ini) bermakna, infrastruktur yang bakal dibangunkan itu membolehkan capaian yang lancar tanpa gangguan.

"(Dan) pihak TIME dotCom perlu menyediakan gentian (optik) pada tahap gigabit dengan kelajuran satu gigabit (GB) atau lebih di seluruh pulau, supaya pengendali mudah alih, WiFi dan penyedia akses internet lain dapat sambungan yang lancar," jelasnya pada sidang media bersama-sama Ketua Menteri di Komtar baru-baru ini.



**AFZAL Abdul Rahim (empat dari kanan) menyerahkan dokumen berkaitan penyediaan infrastruktur jalur lebar dengan gentian optik kepada Ketua Menteri sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Afzal menyatakan bahawa TIME dotCom mempunyai liputan kira-kira 52 peratus di pelbagai unit bertingkat dan pangsapuri.

"Cita-cita kami adalah menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Gigabit pertama di Malaysia, dan saya harap rakyat di negeri ini dapat bersabar dengan kami kerana akan ada gangguan sambungan sepanjang proses menyediakan infrastruktur tersebut.

"Kami berharap dengan infrastruktur gentian optik ini, lain-lain sambungan mudah alih, 4G atau 5G atau sistem bandar pintar dapat berjalan seiringan dan lancar," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow memberitahu bahawa TIME dotCom telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sejak tahun 2013 lagi.

"Malah, pihak tersebut juga telah melabur lebih daripada RM200 juta bagi menyediakan perkhidmatan jalur lebar dengan gentian optik di Pulau Pinang sejak 2011.

"Mereka juga menyediakan perkhidmatan jalur lebar ini yang berkelajuan tinggi di Perpustakaan Digital Pulau Pinang Fasa 1 dan Fasa 2 melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR).

"(Dan) saya pasti ramai yang maklum bahawa sambungan internet adalah asas pertumbuhan sesebuah negeri, juga menjadi pemangkin pembangunan ekonomi.

"Saya percaya dengan kerjasama antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan TIME dotCom ini akan membolehkan kita menjadi peneraju Bandar Gigabit di Malaysia," ujarnya.

Serentak itu, Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari ketika ditemui turut teruja dengan perkembangan terkini dan berharap ia akan mengukuhkan lagi pertumbuhan digital di Pulau Pinang.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Kerangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Exco Pembangunan Pelancongan dan Warisan, Kebudayaan dan Kesenian, Yeoh Soon Hin; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus turut serta dalam sidang media berkaitan.

## "Terima kasih atas sumbang bakti kepada Pulau Pinang dan Malaysia"

**GEORGE TOWN** - Ratu skuasy negara, Datuk Nicol David mengumumkan persaraannya melalui status yang dimuat naik di *Facebook* pada 19 Februari lalu.

Anak kelahiran Pulau Pinang itu bakal menggantungkan raketnya tidak lama lagi setelah lebih 20 tahun berkecimpung dalam arena sukan skuasy.

Selain netizen di media sosial, Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan dan ucapan selamat maju jaya kepada Nicol sambil menyifatkan beliau adalah ikon sukan negara yang tiada galang ganti.

"Nicol David adalah ikon sukan negara yang telah banyak berjasa dalam sukan skuasy serta berjaya menaikkan imej Malaysia di persada dunia dengan menjuarai pelbagai kejohanan.

"Beliau telah membuktikan bahawa dengan kegigihan dan komitmen yang tinggi, seorang atlet itu boleh mencapai prestasi amat baik.

"(Dan) saya menghormati keputusan Nicol untuk bersara kerana saya percaya dalam mana-mana sukan, had umur merupakan salah satu perkara yang harus diterima oleh semua.

"Lagipun, saya yakin, beliau tahu masa yang paling sesuai untuk membuat keputusan persaraan itu," ujarnya ketika ditemui sejurus hadir pada Majlis Menandatangani Perjanjian Kerja-kerja Penyelenggaraan Lorong Sisi Bank of China dekat sini.

Kon Yeow dalam pada itu turut menyuarakan pengharapan agar Nicol dapat membantu mencungkil bakat-bakat muda dalam sukan skuasy.

"Selamat maju jaya dan terima kasih atas sumbang bakti kepada Malaysia dan Pulau Pinang.

"Saya berharap beliau akan mencapai kecemerlangan dalam apa jua yang diceburi beliau pada masa hadapan," katanya.

Apabila disoal sama ada Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan memberi sebarang penghargaan kepada Ratu Skuasy Negara itu, Kon Yeow menyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan insentif atas pencapaian beliau selama ini.

## Bagai musim sakura di Jepun



**LANDSKAP pokok tekoma yang dirakam dari sudut bawah.**

Gambar : **LAW SUUN TING**

**MUSIM SAKURA...** Landskap beberapa kawasan di sekitar Pulau Pinang sekelip mata berubah seolah-olah suasana musim sakura di Jepun.

Bunga tekoma berwarna merah jambu putih mula mekar sejak seminggu lalu dan dipenuhi kelopak bunga yang berguguran.

Fenomena tersebut mencuri tumpuan dan pesona sesiapa sahaja untuk mengabadikan kenangan.



**BUNGA tekoma yang mekar memukau setiap mata memandang.**

# Program saringan mamogram percuma diteruskan

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang meneruskan Program Saringan Mamogram secara percuma melalui kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) bagi tempoh 2019 hingga 2022 dengan peruntukan berjumlah RM2.658 juta.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, program berkenaan menyasarkan golongan wanita berumur 35 tahun dan ke atas serta berdaftar sebagai pengundi atau pemastautin di negeri ini.

"Program ini merupakan kesinambungan sejak tahun 2015 yang mana sehingga tahun lepas, seramai 11,834 wanita berumur 35 tahun dan ke atas telah disaring secara percuma.

"Selama tempoh tersebut, seramai 828 atau tujuh peratus wanita telah dirujuk ke hospital untuk mendapatkan penyiasatan atau rawatan lanjut.

"Bagaimanapun, kita menyasarkan seramai 5,000 wanita disaring setiap tahun bermula tahun ini," katanya pada sidang media di sini 18 Februari lalu.




**SENARAI Klinik Nur Sejahtera yang berdaftar di bawah LPPKN.**

Turut serta, Pengarah LPPKN Negeri Pulau Pinang, Dr. Azura Abdullah dan Pengurus Program Pembangunan Wanita dan Keluarga, Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Susan Chong.




**DR. Afif Bahardin (dua dari kiri) menunjukkan risalah Program Saringan Mamogram pada sidang media di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Afif menyatakan bahawa mereka yang mahu mendapatkan perkhidmatan saringan mamogram percuma boleh berdaftar dekat Klinik Nur Sejahtera LPPKN negeri Pulau Pinang iaitu di Seberang Jaya, Bertam dan Jalan Burma (George Town).

"Tiga lokasi ini adalah tempat mereka akan disaring sebelum dirujuk kepada pusat-pusat pemeriksaan mamogram yang berdaftar di bawah LPPKN iaitu dekat Hospital Gleneagles, *Lam Wah Ee, Bagan Specialist Centre* dan Pusat Diagnostik Anda.

"Justeru, bagi mereka yang berminat untuk mendapatkan perkhidmatan ini boleh segera ke Klinik Sejahtera LPPKN mulai 18 Februari 2019 dan juga Pusat-pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN)," jelasnya.

Difahamkan, program saringan mamogram percuma merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri di bawah Program Pulau Pinang Sihat dengan kerjasama PWDC dan Pink Penang yang merupakan badan sokongan kepada pesakit-pesakit kanser payudara.

## Kumpulan Tumpu Bincang Komuniti rancang pembangunan setempat ikut keperluan

**KEBUN BUNGA –** Kerajaan Negeri mewujudkan Kumpulan Tumpu Bincang Komuniti bertujuan merancang pembangunan sesebuah komuniti mengikut keperluan setempat.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng berkata, bagi mencapai maksud tersebut, kaedah Bajet Responsif Gender dan Partisipatori (GRPB) akan diguna pakai bagi memastikan bajet Kerajaan Negeri diagihkan secara adil.

"GRPB amat mementingkan penglibatan rakyat yang meliputi pelbagai latar belakang etnik, kumpulan umur, pendidikan, keupayaan sama ada lelaki mahupun wanita.

"Pelaksanaan kaedah itu adalah penting supaya suara setiap masyarakat dapat didengari dan wang rakyat dapat diagih seadilnya kepada semua kelompok mengikut keperluan.

"Kita tidak mahu laksanakan pembangunan tanpa berbincang dengan semua lapisan masyarakat yang mana akhirnya gagal memenuhi kehendak penduduk," ujarnya semasa merasmikan Hari Penduduk dan Sesi Kumpulan Tumpu Bincang Komuniti Peringkat Flat dekat Projek Perumahan Rakyat (PPR) Padang Tembak di sini 16 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee serta Ahli Parlimen Bukit Bendera, Wong Hon Wai.

Pada sesi tersebut, kumpulan tumpu bincang dibahagikan kepada lapan kumpulan berdasarkan gender dan peringkat umur iaitu dari peringkat kanak-kanak sehingga warga emas, termasuk golongan orang kurang upaya (OKU).

Semua pandapat, keperluan serta isu-isu yang disuarakan oleh setiap kumpulan akan didengari serta diambil kira sebelum disalurkan kepada Kerajaan Negeri melalui Bahagian Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri.

Turut berlangsung, beberapa acara permainan selain pameran oleh pelbagai agensi kerajaan, swasta.



**CHONG Eng (tengah, berbaju merah), Wong Hon Wai dan Jason Ong Khan Lee bergambar kenangan bersama-sama pihak-pihak berkepentingan dalam menjayakan program Kumpulan Tumpu Bincang Komuniti Peringkat Flat Projek Perumahan Rakyat Padang Tembak di sini baru-baru ini.**

## ADUN ingin pastikan tiada golongan ketinggalan dan tercicir

**SERI DELIMA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berjanji untuk melihat segala permasalahan berbangkit dan menghulurkan bantuan perlu kepada Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Pulau Pinang.

Syerleena ketika memenuhi undangan sambutan Tahun Baru Cina oleh persatuan berkenaan menyatakan bahawa beliau akan melihat segala permasalahan yang dihadapi dan cuba membantu sedaya-upayanya.




**SYERLEENA Abdul Rashid (berkemeja putih) bersama-sama wakil-wakil Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Pulau Pinang menyempurnakan acara *lou sang* pada penganjuran majlis sambutan Tahun Baru Cina persatuan berkaitan di sini baru-baru ini.**

"Ketika berkempen semasa Pilihan Raya Umum (PRU) lalu, memang sudah terfikir untuk membantu persatuan ini sekiranya saya menang.

"Jadi, sekarang masanya saya perlu melihat serta mendengar masalah berbangkit tersebut dan lihat bagaimana Kerajaan Negeri mampu memberikan perhatian serta bantuan kepada persatuan ini.

"Ini kerana, untuk mencapai status negeri atau negara maju, kita perlu pastikan terlebih dahulu bahawa tidak ada golongan yang akan ketinggalan dan tercicir... semua lapisan masyarakat perlu diberi perhatian," ujarnya pada penganjuran berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Penaung Kehormat Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Negeri Pulau Pinang, Datuk Abdul Rashid Ismail, Naib Pengerusi Kehormat I, Datuk Tahir Jalaluddin Hussain dan Setiausaha Kehormat, Jenny Ling Leh Ing.

Pada majlis tersebut, selain penyampaian anugerah khas kepada enam kakitangan persatuan yang telah berkhidmat lebih daripada 20 tahun, Syerleena turut bermurah hati memberikan angpau kepada kira-kira 50 individu orang kurang upaya (OKU) hadir.

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

BERSATU DAN SETIA

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10589
Peminjam : MUHAMAD HELMI BIN MOHD ZAINUDDIN - 87010235****
NO.11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : ZANITA BINTI MOHAMAD ZAINUDDIN - 71052307****
11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : HAIRUL HARIRI BIN MOHAMAD ZAINUDDIN - 79072407****
11A LORONG PANCHOR INDAH 5, TAMAN PANCHOR INDAH, 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 10590
Peminjam : NURADLIA BINTI OMAR - 85041107****
NO.1256E JALAN PAYA TERUBONG, AYER ITAM 11060 PULAU PINANG
Penjamin 1 : NURSHAM BINTI OMAR - 80111507****
7-10-16 TAMAN SERI BAYU, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORHASDIMAN BIN ABU HASSAN - 76110407****
1256-E JALAN PAYA TERUBONG, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10591
Peminjam : AZLINA BINTI MOHD YUSOFF - 80012707****
23-4-3 LEBUHRAYA BATU LANCHANG 11600 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : KHALID SAIFULLAH BIN MD HUSSAIN - 78112307****
23-4-3 TAMAN SERI DAMAI, BATU LANCHANG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD HAMZAH BIN MD HUSSAIN - 64012907****
711-2-29 TAMAN EMAS, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 10593
Peminjam : ANG WOOI LEE - 80012107****
NO. 27 GREEN GARDEN 1, GREENLAND 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : ANG WOOI SENG - 80012107****
NO.27 GREEN GARDEN SATU, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ANG GUAN CHENG - 51012207****
NO.27 GREEN GARDEN SATU, 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10597
Peminjam : NORLIZA BINTI MOHD ZAKARIA - 81052107****
NO. 1603 JALAN BPJ 2/29B, BANDAR PUTRI JAYA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : MOHD ZAKRIA BIN HANIFFA - 57102107****
H-2-36 TAMAN DESA PERMAI, LORONG HELANG SATU 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KOMALATHA A/P RAMAN - 79022508****
364-O TINGKAT PEMANCAR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10598
Peminjam : LIDYAWATI IZZAIDAH BINTI AHMAD - 83022507****
E 21 JALAN BUKIT BAYU A4, BUKIT BAYU 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : AHMAD BIN SAID - 53120507****
NO.1325 PERMATANG RAWA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : JASMIN ILYANI BINTI AHMAD - 79071208****
NO.14 TAMAN MELATI 06700 PENDANG, KEDAH

No Akaun : 10604
Peminjam : ALICIA CHONG NUAN CHIN - 86050652****
BLOK 72-7-2 JALAN MAYANG PASIR, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 1 : LIM HONG NGO - 58011913****
BLOCK 72-7-2 JALAN MAYANG PASIR, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG
Penjamin 2 : CHONG KIA CHAN - 54070213****
BLOK 72-7-2 JALAN MAYANG PASIR, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11950 PULAU PINANG

No Akaun : 10606
Peminjam : YANTI HERLIANA BINTI MOHAMAD RADZI - 84111907****
5N-3-1 LEBUHRAYA THEAN TEIK, BANDAR BARU AIR ITAM 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMAD RADZI BIN AHMAD - RF/84***
5N-3-1 LEBUHRAYA THEAN TEIK , BANDAR BARU AIR ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ASIAH BINTI JUNID - 61033002****
NO. 48 JALAN PULAU LUMUT U10/76E, SEK. U10 ALAM BUDIMAN, SHAH ALAM 40170 SELANGOR

No Akaun : 10607
Peminjam : K DEVANDRAN A/L KRISHNAN - 86082138****
75 JALAN SUKUN1, TAMAN SUKUN INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : P KRISHNAN A/L PACKIRISAMY - 51082508****
NO. 24 LORONG SIAKAP 28 , TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 2 : K NAVINDRAN A/L KRISHNAN - 79112008****
NO. 24 LORONG SIAKAP 28 , TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI

No Akaun : 10610
Peminjam : ASLAN BIN HAMID SULTAN - 82011507****
A-4-4 SERINA BAY, HILIR SUNGAI PINANG 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMED ANEES BIN HAMID SULTAN - 77111507****
62-3-16 PINANG COURT 2, LEBUH SUNGAI PINANG 1, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : ABDUL RAHIM BIN ISMAIL - 69052807****
2360 LENGKOK SUNGAI GELUGOR 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10614
Peminjam : GAAITHERI A/P KARUPIAH - 85090807****
7D-14-18 DESA INTAN 2, LEBUHRAYA THEAN TEIK 10500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : YANASOUNDARI A/P A ADICKALASAMY - 60040707****
7D-14-18 DESA INTAN 2, LEBUHRAYA THEAN TEIK, 10500 PULAU PINANG
Penjamin 2 : PASIAMAH A/P MUNOODI - 55090107****
NO. 204 MUKIM 6 PONDOK UPEH, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10615
Peminjam : AHMAD KABEER BIN ALI AKPER - 84052407****
BLOCK D-G-10 LORONG HELANG 3, DESA PERMAI INDAH, SUNGAI DUA 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMID SHARIFF BIN MOHAMED HANIFA - RF/75***
CAWANGAN LATIHAN, IPK PULAU PINANG, JALAN PENANG 10760 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MUHAMMAD YASIN BIN ALI AKPER - 74110207****
1A-07-04 SOLOK TENGKU, MUTIARA IDAMAN, JELUTONG 11600 PULAU PINANG

No Akaun : 10616
Peminjam : ROSSLY BIN SALLEH - 70030607****
NO. 133 JALAN IMPIANA 4, TAMAN IMPIANA, KUALA KANGSAR 33010 PERAK
Penjamin 1 : KHAIRULNIZA BINTI MOHD ZAIDI - 70112802****
NO. 133 JALAN IMPIANA 4, TAMAN IMPIANA, KUALA KANGSAR 33010 PERAK
Penjamin 2 : NORSHAHRIN BIN SALLEH - 77032501****
NO.1448 JALAN TENGKU PUTRA, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH

No Akaun : 10624
Peminjam : SITI SARAH BINTI AHMAD IBRAHIM - 81053007****
LOT 32 KG. PENGKALAN, BUKIT KECHIL 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : MOHAMAD SAFARI BIN AHMAD IBRAHIM - 76021802****
NO. 18 JALAN SEKSYEN 1/9, TAMAN KAJANG UTAMA, 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : SITI NORLIDA BINTI MOHAMED - 75090906****
NO. 18 JALAN SEKSYEN 1/9, TAMAN KAJANG UTAMA, 43000 KAJANG, SELANGOR

No Akaun : 10633
Peminjam : KOAY CHIN SEONG - 87040707****
2-09B PANGSAPURI SRI MEKAR 2, JALAN PERUSAHAAN RINGAN 1, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : WONG BOON WAH - 65121807****
NO.16 JALAN KENANGA, RAJA UDA, 12300 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : LIM SHEAU YANN - 67090707****
A-902 PANGSAPURI SRI MEKAR, JALAN PERUSAHAAN RINGAN 1, 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 10641
Peminjam : MAZIDAH BINTI JAMALUDIN - 87122935****
9990 JALAN AIR MELINTAS BESAR, KAMPUNG POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : AHMAD KAMIL BIN JAMALUDIN - 75090607****
NO. 38 LORONG ILMU 10, TAMAN ILMU, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : MALIK BIN ABD AZIZ - 53032508****
17 LORONG GUAR PERAHU INDAH 1, TMN GUAR PERAHU INDAH, KUBANG SEMANG 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 10642
Peminjam : HISYAM BIN MOHD HASHIM - 75081508****
NO.7 JALAN SERI PUTRA 3/8, BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 1 : AZMI MURAD BIN IDRIS - 63111208****
NO. 4 JALAN SERI PUTRA 3/6, BANDAR SERI PUTRA 43000 KAJANG, SELANGOR
Penjamin 2 : SHAHRIL ANUAR BIN ZAMHURY - 77072814****
1 JALAN KOOP CUEPACS 3C , TAMAN CUEPACS, BATU 9 CHERAS 43200 SELANGOR

No Akaun : 10645
Peminjam : NOOR AZRIZAL BIN AHMAD ZAIDI - 86061633****
NO. 24 TAMAN KENNEDY, JALAN MASJID NEGERI 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALOMA BINTI ABD HASHIM - 60080904****
BLOK B-1-04 PANGSAPURI AMAN, JALAN BAGAN 29, TAMAN BAGAN, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : HASMAH BINTI HUSSAIN - (MENINGGAL DUNIA)
207 MUKIM D, JALAN BARU, 11000 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10648
Peminjam : NURUL SAHADA BINTI MOHAMAD NOR - 86010307****
NO. 26 JALAN BUNGA KEKWA 2/12, SEKSYEN 2, SHAH ALAM 40000 SELANGOR
Penjamin 1 : KHAIRUN BIN MOHAMAD NOR - 76021108****
187 KM 4, PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR
Penjamin 2 : FADZILAH BINTI TOHA - 78042510****
187 KM 4, PERSIARAN HAMZAH ALANG, MERU, KAPAR 42200 SELANGOR

No Akaun : 10650
Peminjam : LIM CHAN HONG - 85052907****
NO.43 TINGKAT SERINDIT 6, TAMAN DESA JAWI 14200 SUNGAI JAWI, SPS
Penjamin 1 : WILLIE SAW WOOI LEONG - 79050107****
8 LEBUHRAYA FETTES SATU, 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG
Penjamin 2 : LIM LI HIANG - 78010807****
BLOK 1-16-15, LINTANG LEMBAH PERMAI 4, 11200 TANJUNG BUNGAH, PULAU PINANG

No Akaun : 10651
Peminjam : ARVIND A/L POOBALAN - 82031007****
1-9-24 DESA PUTRA, PERSIARAN BAYAN INDAH 3, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : MALLIKA A/P VEERAPPAN - 57072610****
1-9-24 PERSIARAN BAYAN INDAH TIGA, DESA PUTRA, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 2 : SIVA PRAKASH A/L SHANMUGAM - 68083107****
NO.22 CHANGKAT MINDEN, JALAN 16, MINDEN HEIGHTS 11700 GELUGOR, PULAU PINANG

No Akaun : 10655
Peminjam : MAIZATUL AKMAM BINTI AHMAD - 83041607****
3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AMIR SHAHRIL RIZAL BIN AHMAD - 81022707****
3-1-4 DESA SELATAN, JALAN JELUTONG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ROHAIZAL BIN CHE HAT - 1132***
F 389 KAMPUNG JENIANG 08700 GURUN, KEDAH

No Akaun : 10663
Peminjam : AZUIN MASNI BINTI MD YUSOP - 79072702****
NO. 37 TAMAN SIAKAP, SEBERANG JAYA 13700 PERAI
Penjamin 1 : ZAINAL ABIDIN BIN CHE EMBI - 77115607****
37 TAMAN SIAKAP 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2 : AIDA MASWANI BINTI MD YUSOP - 77021207****
36 LORONG SUTERA 3, TAMAN SUTERA 13700 SEBERANG JAYA

No Akaun : 10665
Peminjam : MOHD HASRUL BIN MOHD RAFEEK - 84121107****
22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : HASRITA BINTI HANIFAH - 77021807****
22 LORONG RUSA 3, TAMAN SELAMAT, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ABDUL MUTHALIP BIN MD MAKDOM GHANI - 63092507****
151 JALAN TANJUNG TOKONG LAMA 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 10667
Peminjam : LI MEE CHUN - 85110907****
27 LORONG GEMILANG JAYA 1, TAMAN GEMILANG JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LI SOO PHING - 77040707****
27 LORONG GEMILANG JAYA 1, TAMAN GEMILANG JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LI CHIA YIM - 82030807****
7 SOLOK BINJAI 5, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10674
Peminjam : SITI HAJAR BINTI MANSOR - 84042207****
NO.16 TAMAN BUNGA MAWAR, JALAN BUKIT AWI, KULIM 09000 KEDAH
Penjamin 1 : ABDUL WAHAB BIN ABDUL HAMID - 51061307****
SB 336 UNIT 2 MUKIM 2, PERMATANG PASIR 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 2 : JAWAHEAR BINTI MOHD AMIN - 54041807****
BLOK B-16-06 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR BARU PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10678
Peminjam : KHOO CHUNG FONG - 88061935****
55 LENGKOK KAPAL 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : KHOO AI LEE - 61062402****
NO. 538 JALAN SELASIH 5, TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH
Penjamin 2 : KHOO SOO SING - 74081402****
18 JALAN MARKET 09800 SERDANG, KEDAH

No Akaun : 10681
Peminjam : WONG CHUN YEOW - 84011207****
3-9-7 HILIR PAYA TERUBONG 2, RELAU 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : CH NG TEONG SENG - 79042107****
1-6-3 LORONG BIDOR, TAMAN SUTERAMAS, JELUTONG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : WONG LAI MEI - 85020907****
3-9-7 HILIR PAYA TERUBONG 2, 11900 RELAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10682
Peminjam : NUR HIDAYAH AL-AIN BINTI ABD RAHMAN - 86121935****
23 JALAN BAGAN 15 , TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : RADZIAH BINTI AHMAD - 56062408****
23 JALAN BAGAN 15, TAMAN BAGAN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : ZAINUDDIN BIN ISMAIL - 56041202****
NO.3883 PERMATANG ARA 13500 PERMATANG PAUH

No Akaun : 10683
Peminjam : KHOO CHUNG LING - 85042807****
55 LENGKOK KAPAL 12100 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : NG KOK LEONG - 62041407****
TS 9678 MK 9, JALAN SUNGAI PUYU 13020 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : TENG ZEE WEI - 85102507****
3-07 BLOK B, LORONG BAGAN LALLANG 14, TAMAN BAGAN LALLANG 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 10686
Peminjam : KOH CHEE YONG - 87091707****
1-G-9 TINGKAT NIPAH, TAMAN LIP SIN 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 1 : YEOH CHWEE HOON - 59110707****
BLOK 1-G-9 TAMAN JUBILEE, TINGKAT NIPAH, SUNGAI NIBONG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
Penjamin 2 : YEOH CHOOI EAN - 71113007****
BLOK 5-7-14 , LINTANG PAYA TERUBONG 3, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG

No Akaun : 10689
Peminjam : FAIZAL BIN ZAINUL - 78061007****
B2-T09-U02 , PRESINT 9 FASA 7, 62250 PUTRAJAYA
Penjamin 1 : ZAFIDAH BINTI ZAINUL - 79071707****
15 HILIR SUNGAI PINANG 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2 : MOHD AZRI BIN KASSIM - 83122008****
55 F1-13-02 PANGSAPURI KESIHATAN FASA 3, JALAN UTAMA 10450 PULAU PINANG

No Akaun : 10692
Peminjam : NURSYAZANA BINTI BAHARI - 85051507****
NO. 8 LORONG LAKSAMANA 5, TAMAN TELOK MOLEK, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : NORAZILA BINTI BAHARI - 74040907****
8 LORONG LAKSAMANA 5, TAMAN TELOK MOLEK, TELOK AIR TAWAR 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : MISRAJAH BINTI ISMAIL - 66012907****
14 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH 13200 KEPALA BATAS, SPU

No Akaun : 10695
Peminjam : NG SHIH CHYI - 86101307****
39 LORONG SERI MURNI 14, TAMAN SERI MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : H NG YAW KEOW - 63050307****
6598 E BLOK C, TAMAN MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2 : NG JIA CHUN - 84090407****
1690 JALAN VICTORIA 14300 NIBONG TEBAL,SPS

No Akaun : 10701
Peminjam : JULIA BINTI MAT HADIAH - 86032233****
MA-4-13 PANGSAPURI DELIMA INTAN, JALAN DELIMA 1, TAMAN SERI DELIMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : FIRDAUS BIN MAT HADIAH - 84072408****
BLOK A-13-06 JALAN SUNGAI, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG
Penjamin 2 : NURUL AZMIN BIN AHMAD - 77043002****
7 JALAN KEMBOJASARI 5 , BANDAR SUNGAI BUAYA 48010 RAWANG, SELANGOR

No Akaun : 10716
Peminjam : HURUL AIN NATASHA BINTI MOKHTAR - 83031007****
B-8-12A SURI PUTERI APARTMENT, JALAN SINGA 20/F, SEKSYEN 20, 40300 SHAH ALAM, SELANGOR
Penjamin 1 : JAMALIA BINTI ABDULLAH - 59050102****
S.M.K. BANDAR BARU PERDA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : NORDIN BIN ABDULLAH - 64060902****
29 LORONG ALMA JAYA 24, TAMAN ALMA JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM

PENANG 2030

# PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

## "Penang2030: Negeri Pintar, Hijau Dan Berteraskan Keluarga Yang Menginspirasikan Negara"

**HADIAH UTAMA RM500**

1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan 'PENANG2030: NEGERI PINTAR, HIJAU DAN BERTERASKAN KELUARGA YANG MENGINSPIRASIKAN NEGARA' dengan logo 'Penang2030'.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik penganjur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 31 Mei 2019.

**Sila isi butiran berikut:**

Nama : ..............................

No.Kad Pengenalan : ..............................

Alamat : ..............................

No. Telefon : (Rumah) .................. (Bimbit) ..................

Emel: ..............................

*Pastikan semua butiran diisi dengan langkap.*

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 10717
Peminjam : NUR ZULAIKHA BINTI OTHMAN - 88080507****
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : OTHMAN BIN MOHD YUSUF - RF99***
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 PULAU PINANG
Penjamin 2 : RAHANI BINTI HAJI SAMSUDIN - 52032507****
NO. 7 JALAN PISANG RASTALLI, KAMPUNG MELAYU, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG

No Akaun : 10718
Peminjam : MUHAMAD FITHRI BIN OTHMAN - 87052507****
23-3 BEREK POLIS LEBUH PANTAI 10300 GEORGE TOWN, PULAU PINANG
Penjamin 1 : WAN ROSLINA BINTI WAN RAMLI - 81060407****
NO. 65 LORONG 16/SS3, BANDAR TASEK MUTIARA 14120 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 2 : ROHANI BINTI PAKWANCHEE - 74052007****
87 JALAN MAQBUL, SUNGAI PINANG 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG

No Akaun : 10730
Peminjam : LIM HOOI MEI - 86082435****
NO.27 LORONG JASA INTAN 2, TAMAN JASA INTAN 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : LIM HOOI LING - 81100707****
7 LORONG RUSA 6, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : TEOH KAH KHIANG - 81061102****
NO. 7 LORONG BUKIT KECIL INDAH 2, TAMAN BUKIT KECIL INDAH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10734
Peminjam : AZRAWATI BINTI ARSHAD - 78031507****
S.K. METHODIST (M) PELABUHAN KLANG, JALAN ORKID, PELABOHAN KLANG 42000 SELANGOR
Penjamin 1 : NURUL DIYANA BINTI ABD RAZAK - 81072701****
NO. 57 JALAN KJ 39, TAMAN KRUBONG JAYA 75260 MELAKA
Penjamin 2 : DZULIKHWAN BIN AHMAD MOKHTAR - 74092910****
59 JALAN 43, PORT GARDEN, 42000 PELABUHAN KLANG, SELANGOR

No Akaun : 10735
Peminjam : NORSIAH BINTI MOHAMED - 65030107****
JAB. KASTAM DIRAJA MALAYSIA, WISMA KASTAM DIRAJA MALAYSIA,GAT LEBUH CINA 10300 PULAU PINANG
Penjamin 1 : MOHAMMAD HASSAN BIN MD ISA - 65062202****
755 JALAN KOBIS 3, TAMAN KOBIS 3, LUNAS 09600 KEDAH
Penjamin 2 : SHOFI BIN MOHAMAD - 57092807****
3491 LORONG SELASIH 2F 4 , TAMAN SELASIH 09000 KULIM, KEDAH

No Akaun : 10748
Peminjam : MUHAMMAD NABIL FIKRI BIN BAHARUL AKMAR - 89041507****
24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : BAHARUL AKMAR BIN OMAR - 54011007****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : RUSLINAWATI BINTI IBRAHIM - 63022402****
NO. 24 JALAN JAMBU 2, TAMAN JAMBU, MACHANG BUBUK 14020 BUKUT MERTAJAM

No Akaun : 10749
Peminjam : HO CHOON KOOK - 64121307****
S.M.K. PADANG SERAI, PADANG SERAI 09400 KEDAH
Penjamin 1 : HO CHOON FAH - 67011107****
804 TAMAN INDAH 09600 LUNAS, KEDAH
Penjamin 2 : NG YEW HUNG - 61082307****
804 TAMAN INDAH 09600 LUNAS, KEDAH

No Akaun : 10751
Peminjam : BALQHIS BINTI KARIM - 88040406****
NO. 955 MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR, BAYAN LEPAS 11920 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SALINA BINTI HASSAN - 64122607****
NO. 18 LORONG SERI GENTING 2, TAMAN PONDOK UPEH, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG
Penjamin 2 : ISMAIL SHAH BIN A ABDUL RAZAK - 60072107****
769 MUKIM 2, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 10753
Peminjam : GOH THEE SIANG - 86080435****
8-3-7 PERSIARAN MAYANG PASIR 5, BANDAR BAYAN BARU, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG
Penjamin 1 : GOH EU ENG - 56031407****
16-1-7 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG
Penjamin 2 : GOH THEE YONG - 80120607****
6-1-4 PESIARAN MAYANG PASIR 5, 11950 BAYAN BARU, PULAU PINANG

No Akaun : 10765
Peminjam : MUHAMMAD LOKMAN HAKIM B MUHAMMAD HAMBALI - 87051738****
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 1 : MUHAMMAD HAMBALI BIN OSMAN - RF108***
LOT 5076 JALAN DATO ANUAR MUSA 2, KAMPUNG PINANG SEBERANG, 34600 KAMUNTING, PERAK
Penjamin 2 : ZAMRI BIN ZAKARIA - T1077***
445 JALAN LEMBAH PERMAI 1/3, TAMAN LEMBAH PERMAI 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH

No Akaun : 10770
Peminjam : SHAHIDAN BIN ZAINI - 87082707****
4-01- A LORONG DESA SENA 5, TAMAN DESA SENA 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 1 : ZAINI BIN BIDIN - 61021008****
2333 PERMATANG BERANGAN, 13300 TASEK GELUGOR, SPU,
Penjamin 2 : MUHAMAD BIN SALLEH - (MENINGGAL DUNIA)
NO. 467 LORONG 11, TAMAN NILAM, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH

No Akaun : 10775
Peminjam : FAIZA SURIA BINTI JAMALUDIN - 84030307****
NO. 343 LENGKOK PERDANA 8/4, SEKSYEN 8, BANDAR PERDANA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : JAMALUDIN BIN CHE DAN - 55032307****
8984 KAMPUNG MANGGIS 13400 SUNGAI PUYU , BUTTERWORTH
Penjamin 2 : FAIZAL WAJIDI BIN JAMALUDIN - 82072707****
BLOK B-G2 TAMAN BELIBIS 14100 SIMPANG EMPAT, SPS

No Akaun : 10776
Peminjam : NG PEK GEE - 86120307****
NO.74 TINGKAT KANCIL SATU, TAMAN HWA SENG, ALMA 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : NG SU HOCK - 58071306****
74 TINGKAT KANCIL 1, TAMAN HWA SENG 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : LIEW KUEN MEE - 68122507****
29 LORONG JERNIH 4, TAMAN JERNIH 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 10779
Peminjam : INTAN ZALIKHA BT ZAINOL HIZAM - 87122835****
24 TINGKAT PAHLAWAN 14, TAMAN SENANGAN 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1 : SHAHRUL ANUAR BIN HASHIN - 64071607****
NO. 202 JALAN MERBAU 2/1, TAMAN MERBAU, TIKAM BATU 08600 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 2 : ZULKIFLI BIN BAKAR - 64112107****
953 PERMATANG TINGGI B, 13200 KEPALA BATAS, SPU

# Pembinaan Hotel Aloft diharap tarik lebih ramai pengusaha antarabangsa ke Batu Kawan

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **NOOR SITI NABILAH NOORAZIS**

**BUKIT TAMBUN -** Pembinaan Hotel Aloft di bandar satelit Batu Kawan dalam beberapa tahun ini dijangka menggamit lebih banyak lagi hotel terkenal antarabangsa ke sini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow turut merakam penghargaan kepada syarikat pemaju hartanah swasta terkenal negeri iaitu *Aspen Group* (Aspen) kerana berjaya memeterai perjanjian persefahaman dengan pihak *Marriott International Incorporated (Marriott)* bagi membina hotel itu.

"Kumpulan Aspen telah memperkenalkan begitu banyak jenama dan projek antarabangsa di Pulau Pinang.

"Saya percaya bahawa hotel yang diusaha oleh Marriott kelak akan meningkatkan lagi industri pelancongan di Pulau Pinang," katanya juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi ketika berucap pada majlis




KETUA Menteri menyaksikan acara tandatangan memorandum persefahaman antara Kumpulan Aspen dan *Marriott International Incorporated* di sini baru-baru ini.

menandatangani perjanjian persefahaman antara kedua-dua pihak di sini pada 2 Februari 2019.

Perjanjian, antara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Aspen, Datuk M. Murly dan Naib Presiden Kanan Pembangunan Hotel Asia Pasifik bagi Marriott International Incorporated Asia Pacific Senior, Kevin Chen.

Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota merangkap Ahli Parlimen Tanjong memberitahu bahawa Kerajaan Negeri sejak 10 tahun lepas cuba menjadikan industri pelancongan sebagai salah satu enjin pembangunan yang menyumbang pada pertumbuhan ekonomi di Pulau Pinang.

Berucap dalam majlis sama, Murly menyatakan bahawa Batu Kawan dijangka menjadi daya tarikan utama pengunjung perniagaan dan pelawat.

Difahamkan, pembinaan hotel tersebut dijangka bermula pada akhir tahun ini, dan dijangka siap pada tahun 2023.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi, Prof Dr. P. Ramasamy; Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani; ADUN Bukit Tambun, Goh Choon Aik dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Sr. Rozali Mohamud turut sertai majlis perasmian bangunan itu.

# *Common Ground* lebar sayap ke Pulau Pinang, konsep ruang kerja tepati citarasa generasi muda

**PULAU TIKUS –** Peneraju ruang kerja terbesar dalam negara, *Common Ground* melebarkan sayapnya ke Pulau Pinang bertempat dekat *Moulmein Rise Shoppes* di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Common Ground, Juhn Teo berkata, pembukaan outlet terbaharu tersebut menjadikan jumlah lokasi jenamanya di negara ini kepada 14 iaitu di dalam dan luar negeri.

"Pasaran perniagaan di Pulau Pinang yang semakin pesat menjadikan bandar raya ini lengkap untuk menjadi sebuah pusat neksus perniagaan tumpuan dalam negara pada masa akan datang.

"Ruang kerja berkeluasan 18,000 kaki persegi (kp), *Common Ground Penang* ini dilengkapi sepenuhnya dengan kemudahan serta perkhidmatan yang diperlukan serta mampu menampung sehingga 250 usahawan pada bila-bila masa...sekaligus memacu pertumbuhan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Pulau Pinang.

"Diharap ia mampu menyediakan infrastruktur bagi komuniti perniagaan di sini dan memudahkan pertumbuhan ekosistem sosial di negeri ini," ujarnya ketika pelancaran outlet berkenaan yang disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow pada 13 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Chris Lee Chun Kit dan Pengarah Urusan Belleview Group, Datuk Sonny Ho.

Dalam pada itu, Kon Yeow dalam ucapannya menyatakan bahawa pembukaan pertama *Common Ground* di sini menepati visi *Penang2030* dan menunjukkan bahawa Pulau Pinang bersedia untuk menjadi sebuah negeri tumpuan perniagaan pada masa akan datang.

"Konsep ruang kerja yang diketengahkan ini semakin popular, menepati citarasa generasi muda kerana mereka lebih suka bekerja dalam persekitaran yang selesa serta selamat daripada persekitaran konvensional, masuk jam 9 pagi dan keluar pada jam 6 petang.

"Gaya kerja baharu ini telah mendorong lebih banyak ruang kerja bersama diwujudkan di Pulau Pinang yang mana ia sesuai untuk usahawan permulaan, mengadakan perbincangan, menjalankan penyelidikan atau pembelajaran," jelasnya.



SALAH satu reka bentuk dalaman yang moden.



BANGUNAN *Common Ground* di *Moulmein Rise.*



# Sisa pukal, sisa kebun tidak lagi diterima di tapak pelupusan sampah Jelutong mulai 1 Mac

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**AIR ITAM –** Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Ar. Yew Tung Seang memberitahu bahawa tapak pelupusan sampah Jelutong tidak lagi akan menerima sisa pukal dan sisa kebun tulen mulai 1 Mac 2019.

Katanya, kedua-dua sisa berkenaan hanya boleh dihantar ke Tapak Pelupusan Sampah Sungai Burong atau Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung mengikut kadar bayaran yang telah ditetapkan.

"Tapak pelupusan sampah Jelutong kini beroperasi pada tahap melebihi kapasiti yang mengakibatkan berlakunya masalah kestabilan tanah dan isu kebakaran.

"Bagi mengatasi masalah ini, pihak Majlis membuat keputusan untuk melaksanakan penutupan secara berperingkat mulai 24 Oktober tahun lepas.

"Justeru, semua penjana sisa-sisa ini dinasihati untuk mengurangkan penghasilan sisa berkenaan atau mereka perlu melalui perjalanan yang jauh untuk ke Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong selain boleh memilih untuk ke Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung," katanya pada sidang media di sini 14 Februari lalu.

Turut serta, Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junos dan Jurutera Jalan dari Jabatan Kejuruteraan MBPP, Raja Syazana Raja Shuib.

Difahamkan, kadar bayaran pelupusan bagi sisa pukal di Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung adalah sebanyak RM70 setiap tan, manakala di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong, RM22.22 setiap tan.

Bagi sisa kebun tulen pula, kadar bayaran adalah sebanyak RM20/tan bagi Stesen Pemindahan Sampah Batu Maung, manakala di Tapak Pelupusan Sampah Pulau Burong, RM22.22/tan.

Mengulas lanjut, Tung Seang memaklumkan bahawa pihak MBPP turut menyediakan kutipan sampah pukal bagi kediaman serta komersial dengan kadar bayaran sebanyak RM100 setiap perjalanan (per/trip) bagi kawasan perumahan dan RM200 (komersial).

Maklumat lanjut mengenai penjadualan kutipan sampah hubungi Jabatan Perkhidmatan Perbandaran MBPP melalui talian 04 - 282 4284.



AR. Yew Tung Seang.

## Komtar menang anugerah Bangunan Rendah Karbon Kategori Amalan Jimat Tenaga

**GEORGE TOWN –** Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) yang menempatkan Pejabat Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang berjaya memenangi anugerah Bangunan Rendah Karbon bertaraf 'Diamond' Kategori Amalan Penjimatan Tenaga.

Anugerah tersebut diterima selepas Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia (SEDA) membuat penilaian terhadap bangunan Komtar baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus Sdn. Bhd., Datuk Ir. Ang Choo Hong berkata, SEDA telah melakukan penilaian ke atas penjimatan bil tenaga elektrik yang digunakan oleh bangunan Komtar bagi tahun 2017.

"SEDA melakukan penilaian untuk penjimatan pada tahun 2017 dengan merujuk kepada penggunaan tahun 2016 sebagai data asas perbandingan yang mana jumlah tenaga digunakan adalah sebanyak RM10,998,680 (2016).

"Walau bagaimanapun, kami berjaya mengurangkan jumlah penggunaan tenaga sebanyak 7.38 peratus atau bersamaan RM811,936 pada 2017.

"Justeru, penarafan 'Diamond' yang diberikan kepada Komtar adalah selepas berjaya mengurangkan pelepasan tenaga sebanyak 5.6 peratus yang bersamaan dengan 712.43 tan karbon dioksida ($CO_2$) setahun atau 1,026,556 kWh (setahun)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng dan Jurutera Elektrik, Mohan Raj.

Mengulas lajut, Choo Hong menjelaskan bahawa pengurangan pelepasan tenaga mungkin disebabkan oleh pelaksanaan amalan hijau serta penaiktarafan beberapa peralatan elektrik bagi menjimatkan tenaga.

Tambahnya, beberapa projek juga telah dijalankan pada tahun lepas untuk menukarkan tarif elektrik daripada Tarif B ke Tarif C1.

"Penukaran ini mempunyai kesan positif yang besar terhadap bil elektrik Komtar yang mana kami berjaya mengurangkan 12.1 peratus lagi jumlah bil tahun lepas (berbanding jumlah bil pada tahun 2017)," jelas beliau.



TEH Lai Heng (kiri sekali) dan Ir. Ang Choo Hong (kanan sekali) menunjukkan sijil penarafan bagi Bangunan Rendah Karbon bertaraf 'Diamond' pada sidang media baru-baru ini.

## Pemilik restoran diseru sertai Kempen 'Tak Nak Penyedut Minuman Plastik'

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri Pulau Pinang terus mengorak langkah dengan melancarkan kempen 'Tak Nak Penyedut Minuman Plastik' sebagai usaha ke arah negeri bebas plastik sekali guna menjelang tahun 2030.

Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh berkata, berdasarkan kaji selidik yang dijalankan *Penang Green Council* (PGC) mendapati bahawa majoriti penduduk di negeri ini menunjukkan sokongan terhadap kempen tersebut.

"Kaji selidik yang dijalankan terbahagi kepada dua kategori iaitu pengguna dan pengendali perniagaan.

"Daripada 1,948 jumlah responden yang ditemui, sebanyak 76 peratus menyatakan sokongan mereka, manakala yang tidak bersetuju adalah kurang daripada 15 peratus.

"Walau bagaimanapun, hasil dapatan turut mendapati bahawa faktor ketersediaan plastik di pasaran dan mudah diperoleh menyumbang kepada peningkatan penggunaan barangan tersebut.

"Selain itu, barangan ini juga dibekalkan oleh pengusaha premis makanan serta minuman kerana sangat mudah digunakan selain murah dan senang untuk dibuang," katanya dalam kenyataannya di sini 14 Februari lalu.

Justeru, Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu menyeru kepada semua pemilik restoran untuk tidak lagi memberikan penyedut minuman plastik kepada pengguna.

"Penyedut minuman hanya boleh diberikan atas permintaan bagi mereka yang memerlukan sahaja, seperti kanak-kanak, orang sakit dan golongan tua.

"Marilah kita bersama-sama berusaha mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik ke arah Pulau Pinang yang bersih, hijau, selamat, sihat dan bahagia," seru beliau.

Difahamkan, di bawah 'Pelan Hala Tuju Sifar Penggunaan Plastik Pakai Buang 2018-2030', terma plastik sekali guna adalah merujuk kepada penyedut minuman plastik dan beg plastik.




PHEE Boon Poh menunjukkan risalah kempen 'Tak Nak Penyedut Minuman Plastik' pada sidang media di sini baru-baru ini.

# Ahli jawatankuasa JPWK terima watikah lantikan demi realisasi *Penang2030*

**SEBERANG JAYA -** Seramai 40 Ahli Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dari seluruh kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) di negeri ini menerima watikah pelantikan.

Watikah berkenaan disampaikan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow dalam majlis anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini 16 Februari lalu.

Kon Yeow berkata, semua 40 Ahli Jawatankuasa (AJK) yang dilantik adalah berperanan menyelaras program-program di bawah portfolio Pembangunan Wanita dan Keluarga bagi memastikan visi *Penang2030* yang memfokuskan institusi kekeluargaan, hijau dan negeri pintar dapat direalisasikan.

"Dengan pembentukan AJK di setiap KADUN, kira-kira 600 pemimpin wanita berkebolehan bakal dilahirkan pada masa depan yang akan menyumbang tenaga untuk melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk penduduk di negeri ini.

"Kerajaan Negeri percaya, penubuhan JPWK adalah langkah proaktif dan inklusif dalam menghindari segala permasalahan serta isu berbangkit terutamanya melibatkan soal kekeluarga di peringkat akar umbi.

"Bahkan, usaha ini diyakini mampu membawa perubahan strategik untuk mentransformasikan Pulau Pinang sebagai negeri yang memberi fokus kepada pembangunan wanita serta keluarga," ucapnya pada majlis berkenaan.

Hadir sama, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari; Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee; barisan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Ahli Parlimen; Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Ong Bee Leng serta barisan Pegawai Penyelaras KADUN.

Dalam pada itu, Chong Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa semua AJK yang dilantik telah melalui proses pelantikan oleh ADUN atau Penyelaras KADUN berdasarkan kemampuan serta kebolehan masing-masing.

"Setiap AJK yang dilantik telah diberi mandat untuk mengambil peduli tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh KADUN masing-masing, dan seterusnya mengambil inisiatif serta langkah-langkah proaktif untuk menyelesaikannya," ujarnya.



**KETUA Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan jemputan khas bergambar kenangan sejurus selesai Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Ahli Jawatankuasa JPWK di sini baru-baru ini.**

# Sukan adalah bebas dan milik semua, JOM amalkannya!

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**SUNGAI PINANG –** Penganjuran 'Sukan Untuk Semua: Kejohanan Bola Keranjang Muda 2019' yang berlangsung pada 26 Januari hingga 21 April ini menerima sambutan luar biasa membabitkan penyertaan daripada 52 pasukan keseluruhannya.

Lanjutan itu, Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap penganjuran berkenaan yang mula diperkenalkan tahun ini akan memberikan lebih banyak peluang penyertaan kepada lebih ramai golongan belia.

"Melalui penganjuran aktiviti komuniti seperti ini, golongan muda mempunyai satu platform yang sesuai untuk tunjukkan bakat masing-masing terutamanya melalui acara sukan.

"Salah satu misi Kerajaan Negeri adalah untuk menerapkan gaya hidup sihat berteraskan sukan dalam kalangan penduduk di Pulau Pinang, tidak semestinya (sukan) bola keranjang sahaja, malah masyarakat boleh amalkan sukan yang sesuai dengan diri mereka sendiri," ujarnya pada Majlis Perasmian Sukan Untuk Semua: Kejohanan Bola Keranjang Muda 2019 bertempat di Gelanggang Bola Keranjang, Taman Kejiranan Karpal Singh dekat sini 26 Januari lalu.

Hadir sama, Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri bagi Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid, Gooi Zi Sen (Pengkalan Kota), Joseph Ng Soon Siang (Air Itam) dan Ong Ah Teong (Batu Lancang).

Difahamkan, 52 pasukan terbabit dibahagikan kepada Kategori Lelaki 13 hingga 18 Tahun membabitkan 20 pasukan, Kategori Lelaki 19 hingga 25 tahun (21) dan Kategori Wanita (11).



**SOON Lip Chee berjabat tangan dengan sebahagian peserta pada Majlis Perasmian Sukan Untuk Semua: Kejohanan Bola Keranjang Muda 2019 di sini baru-baru ini.**

Mengulas lanjut, Lip Chee yang juga ADUN Bagan Jermal memberitahu bahawa *trend* dalam sukan bola keranjang di negara ini kebanyakan pemainnya adalah dalam kalangan bangsa Cina.

Menurutnya, jarang-jarang bangsa lain menceburi bidang sukan berkaitan, dan dipercayai punca utama ketandusan pemain pelbagai bangsa dalam sukan bola keranjang adalah ekoran kurang pendedahan terhadap ia di peringkat sekolah.

"Semua pelajar dan rakyat di negara ini tanpa mengira kaum dan budaya perlu melibatkan diri dalam pelbagai jenis sukan kerana ia mampu memelihara kesihatan serta meningkatkan kecergasan. Sukan adalah bebas dan milik semua orang kerana sukan tidak mengenali batas perkauman.

"Saya harap jangan kita jadikan sukan sebagai sempadan perkauman, sebaliknya semua orang tanpa mengira kaum boleh bermain bola keranjang," seru beliau.



# Limpahan siput kuala Teluk Kumbar rapatkan silaturahim komuniti setempat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ADUN**

**FENOMENA** cuaca dan keadaan air laut surut dipercayai menjadi antara sebab berlakunya limpahan siput di sekitar kawasan pantai kuala Teluk Kumbar di sini baru-baru ini.

Kehadiran spesies siput pelbagai jenis seperti kepah dan kerang menyebabkan penduduk sekitar berpusu-pusu ke kawasan berkenaan.

Tidak melepaskan peluang, Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Bukit Gemuruh, Teluk Kumbar turut mengambil kesempatan itu untuk merapatkan lagi hubungan kekeluargaan dengan menganjurkan Program Rehlah Keluarga Dan Pertandingan Mencari Siput.

Meskipun julung kali dianjurkan, ternyata ia mendapat sambutan hangat daripada penduduk sekitar apabila sebanyak 207 peserta pelbagai latar belakang dan umur mengambil bahagian dalam pertandingan berkenaan.

Bagaikan pesta, kawasan berkenaan bertukar meriah apabila peserta bersama-sama ahli keluarga mengambil peluang bersempena cuti hujung minggu untuk bersantai sambil membawa pelbagai peralatan mencari siput, malah ada yang berkelah sementara menunggu.

Bermacam-macam ragam mencuit hati sepanjang pertandingan berlangsung, sambil beramah-mesra, tangan masing-masing ligat menguis lumpur mencari siput.

Bukan sahaja di gigi-gigi air, malah bagi yang tidak hiraukan panas terik, kotor tanah lumpur dan air laut yang melekit, pencarian dilakukan hingga ke tengah laut memandangkan keadaan air laut yang surut pada pagi berkenaan.

Berbaloi! Itu yang boleh dirasakan apabila setiap peserta tidak pulang dengan tangan kosong, sebaliknya boleh menjual hasil carian siput pada hari tersebut kepada pihak penganjur dengan harga RM5 sekilo. Pada masa sama, ada yang membawa pulang untuk dijadikan juadah bersama keluarga.

Pemenang ditentukan melalui berat siput yang terkumpul dan difahamkan peserta tempat pertama, Rosita Hashim, berjaya mengumpul kira-kira 18 kilogram (kg) siput dalam tempoh dua jam sahaja.

Hadir menyempurnakan program Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Mohd. Tuah ketika ucapannya memuji inisiatif berkenaan yang berjaya merapatkan silaturahim sesama peserta, pemimpin dan juga masyarakat.

"Penganjuran sebegini ternyata mendapat sambutan apabila berjaya menghimpunkan lebih 300 keluarga di sini, dan ia adalah demi menyambut saranan Ketua Menteri untuk memperkasakan institusi kekeluargaan melalui visi *Penang2030*.

"Sememangnya kawasan kuala Teluk Kumbar ini menjadi tempat pembiakan kepah dan kerang terutamanya ketika air surut, ia merupakan aktiviti sinonim orang kampung di sini ketika musimnya.

"Tapi jarang sekali kita dapat melihat semeriah ini, semua keluar beramai-ramai seakan satu keluarga besar sekaligus memperkuatkan institusi kekeluargaan, dan serentak itu kita juga ingin masyarakat terdidik untuk mengamalkan kebersihan alam sekitar terutamanya di kawasan pantai," ujarnya pada majlis berkaitan.

Penganjuran program turut memperkenalkan barisan ahli-ahli MPKK Bukit Gemuruh yang baharu ditauliahkan. ADUN Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz hadir menyampaikan watikah pelantikan.

Program Rehlah Keluarga dan Pertandingan Mencari Siput diakhiri dengan jamuan rakyat menu ala kampung sambil berkelah di tepi pantai beramai-ramai.



KEADAAN pantai kuala Teluk Kumbar yang meriah ketika para peserta sibuk mencari siput.



PELBAGAI alatan seperti timba dan pengorek dibawa untuk memudahkan carian siput di dalam lumpur.



MOHD. Tuah Ismail (bertopi dan berbaju biru) dan Azrul Mahathir Aziz (berkemeja petak) merakamkan gambar kenangan bersama-sama para peserta pada penganjuran Program Rehlah Keluarga Dan Pertandingan Mencari Siput baru-baru ini.



PELBAGAI rupa serta saiz kerang dan siput yang berjaya dikumpul.




# Naik taraf lorong belakang sebagai sumber tarikan penduduk

Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Dalam tempoh lima tahun, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) akan menaik taraf lorong-lorong belakang sepanjang 9 kilometer (km) serta kawasan-kawasan lapang seluas 10 ekar di sekitar Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berharap projek penarafan itu dapat mengembalikan semula penduduk ke bandar raya ini.

"Ini, selaras dengan program *'repopulating George Town'*... dengan projek pengindahan, ia akan menjadi sumber tarikan kepada penduduk-penduduk untuk kembali ke kawasan George Town," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat di sini pada 27 Februari 2019.

Jagdeep memberitahu bahawa projek tersebut akan dilaksanakan secara perkongsian awam, swasta dan profesional (4P), yang melibatkan tanggungjawab sosial korporat (CSR) daripada sektor swasta memandangkan MBPP mempunyai peruntukan yang agak terhad.

Bercakap pada sidang media sama, ADUN Komtar, Teh Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri menyatakan bahawa pihaknya berharap semua projek penarafan tersebut mendapat maklum balas penduduk setempat terlebih dahulu, sebelum dilaksanakan.

Dalam pada itu, Datuk Bandar bagi MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang pihaknya berharap ramai pihak dapat tampil bagi melaksanakan CSR supaya semua projek penarafan dapat disiapkan lebih cepat dari tempoh yang disasarkan iaitu lima tahun.

Beliau memberitahu, kerja-kerja penarafan lorong belakang sepanjang tahun 2019 adalah meliputi 100 meter (m) Lebuh Armenian, Lebuh Gereja (100m), Lebuh Acheh (100m), Lebuh Kimberley (50m), Jalan Cheong Fatt Tze (150m) dan Lebuh Chulia/Jalan Penang (500m).

Bagi tahun 2020 pula, tambah Tung Seang, kerja-kerja penarafan sama akan dilaksanakan di sepanjang 200m Lorong Lumut, *People's Court* (600m), Lebuh King (200m), Lorong Song Hong (150m), Jalan Kampung Malabar (300m), Jalan Pintal Tali (250m) dan Jalan Sri Bahari (200m).

"Keseluruhan lorong belakang yang telahpun dikenal pasti untuk dinaik taraf pada tahun ini (2019) adalah sepanjang 1km, dan 2km semuanya pada tahun hadapan (2020)," ulasnya.



**AR. Yew Tung Seang (dua dari kiri) memberi penjelasan kepada Jagdeep Singh Deo sambil diperhatikan Teh Lai Heng pada pengumunan peojek menaik taraf lorong-lorong belakang di sini baru-baru ini.**



**ILUSTRASI grafik keadaan lorong belakang yang dinaik taraf.**

## Mural terumbu karang ceriakan SMK Batu Maung

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**BATU MAUNG –** Bagi mewujudkan suasana ceria dan nyaman dalam kawasan persekitaran sekolah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Halim Hussain mengambil inisiatif menaja projek penghasilan lukisan pada dinding atau mural di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batu Maung dekat sini.

Bertemakan terumbu karang, projek tersebut turut dijayakan dengan kerjasama pihak sekolah dan seorang pelukis profesional tempatan dikenali sebagai Cikgu Ismail Ahmad.

SMK Batu Maung dipilih sebagai perintis bagi projek berkaitan selaras dengan Inisiatif Pendidikan Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Batu Maung yang dilancarkan tahun lalu.

Abdul Halim ketika dihubungi memaklumkan bahawa inisiatif mural tersebut juga adalah sebahagian daripada pendidikan STEAM iaitu sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik.

"Bukan sahaja bertujuan untuk menarik minat pelajar dalam bidang seni lukisan, malah juga melahirkan daya kreativiti dan reka bentuk dalam kalangan pelajar.

"Pemilihan tema juga digarapkan melalui aktiviti kehidupan penduduk di Batu Maung yang kebanyakannya terlibat dengan perikanan," ujarnya yang turut menzahirkan penghargaan kepada Pengetua SMK Batu Maung, Ridza Hussin atas sokongan menjayakan penghasilan mural tersebut.

Tambah Abdul Halim, pihaknya juga akan mencari tapak baharu yang sesuai untuk menghasilkan mural sebagai salah satu daya tarikan pengunjung ke kawasan ini.

"Banyak potensi pelancongan yang ada di Batu Maung, sekiranya ada tapak yang sesuai untuk menghasilkan mural, maka ia merupakan satu tambah nilai untuk menarik pelancong ke sini," katanya.



**ABDUL Halim Hussain memberikan sentuhan terakhir sebagai gimik penyempurnaan projek penghasilan mural di sini baru-baru ini.**



**HASIL mural bertemakan terumbu karang.**

# MBPP seru pengunjung lokasi pelancongan praktik amalan bawa pulang sampah

Teks & Gambar : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**TANJUNG BUNGA –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) menyeru para pengunjung di lokasi-lokasi pelancongan sekitar Pulau Pinang untuk mempraktik serta membudayakan sikap membawa pulang sampah masing-masing.

Ahli Majlisnya, Wong Yuee Harng berkata, sikap terbabit mampu menjadikan lokasi tumpuan pelancong minimum sampah sekaligus menjamin kebersihan kawasan persekitaran.

"Sememangnya, kita (MBPP) ada bekalkan tong sampah di setiap kawasan pelancongan, namun ianya amat terhad sekiranya jumlah pelancong terlalu ramai.

"Kita pun tidak mahu lambakan tong sampah di merata-rata… ia bukanlah satu budaya yang sihat dengan meletakkan tong sampah dalam jumlah terlalu banyak," ujar beliau selepas menjalankan Operasi Larangan Buang Sampah dekat pantai berhampiran Medan Tanjung Bunga di sini 10 Februari lalu.

Tambah Yuee Harng, membawa pulang sampah dari tempat pelancongan sudah menjadi suatu budaya di negara maju seperti Jepun.

"Amalan ini bukan sahaja mengurangkan penghasilan sampah, malah pada masa sama mengamalkan sikap kitar semula," jelasnya.

Susulan itu, Yuee Harng turut memberitahu bahawa MBPP akan melakukan operasi sebanyak tiga kali seminggu, tanpa menetapkan hari serta masa berhubung inisiatif berkaitan.

"Kini, kita (Majlis) menumpukan 10 kawasan utama iaitu di Padang Kota, Komtar, Persiaran Gurney, Persiaran Karpal Singh dan Persisiran Queensbay.

"Kawasan lain yang turut terlibat adalah Bukit Jambul, Bukit Bendera, Kek Lok Si, Jalan Penang dan Batu Ferringhi," katanya.

Bagi tahun 2018, difahamkan sebanyak 488 Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) atau kompaun telah dikeluarkan MBPP melalui 160 operasi yang telah dijalankan.

Manakala, pada 2019 (sehingga 10 Februari lalu), sebanyak 32 PTK telah dikeluarkan dan setiap (PTK) yang dikeluarkan adalah bernilai RM250.



**WONG Yuee Harng (berkemeja biru) mengutip salah satu sisa sampah yang dipercayai ditinggalkan pelancong pada Operasi Larangan Buang Sampah di sini baru-baru ini.**

# Navigasi ViNV, MBPP sensitif dan beri penekanan keperluan reka bentuk sejagat

**GEORGE TOWN -** Sistem navigasi dalaman pertama yang menggunakan peranti *bluetooth* kini dapat memudahkan golongan buta serta cacat penglihatan untuk bergerak dari satu lokasi ke lokasi lain hanya dengan bantuan audio dan visual.

Sistem yang dibangunkan *St. Nicholas' Home* dengan kerjasama Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) tersebut dikenali sebagai *ViNV Indoor Navigation System* (ViNV).

Pengarah Eksekutif St. Nicholas' Home, Daniel Soon berharap aplikasi ViNV yang dibangunkan pada 2015 tersebut mampu membantu golongan berkenaan untuk lebih bebas bergerak terutamanya di dalam sesebuah bangunan.

"Untuk bergerak dari satu tempat ke tempat lain adalah sesuatu yang mencabar bagi golongan buta dan cacat penglihatan, tetapi kini cabaran tersebut lebih mudah apabila pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil inisiatif menjadikan persekitaran luar lebih mesra OKU (orang kurang upaya).

"Kini, kami memberi tumpuan untuk kebolehlaksanaan dalaman (bangunan) dengan membangunkan aplikasi ini… ia dihubungkan melalui telefon pintar dan dibantu dengan arahan audio serta visual.

"Kami berharap Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) boleh laksanakannya di bangunan-bangunan pentadbiran kerajaan sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri contoh," ujarnya ketika ditemui selepas melakukan demonstrasi tatacara penggunaan ViNV di sini baru-baru ini.

St. Nicholas' Home dengan kerjasama pihak pengurusan kompleks membeli-belah Plaza Gurney telah bersetuju menjadikan tingkat bawah pasar raya berkenaan sebagai projek perintis bagi menguji sistem navigasi berkenaan baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang, Ir. Addnan Mohd. Razali (Setiausaha Bandaraya), Ahli-ahli Majlis MBPP serta wakil-wakil Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dari seluruh negeri.




**DEMONSTRASI penggunaan aplikasi navigasi ViNV oleh salah seorang pengguna sejurus Majlis Perasmian Seminar Universal Design: From Principles To Practise In Built Environment di sini baru-baru ini.**

Sebelum itu, Tung Seang hadir mewakili Ketua Menteri merasmikan Seminar Universal Design: From Principles To Practise In Built Environment.

Tung Seang dalam pada itu menyatakan bahawa selaku PBT, pihaknya sensitif terhadap keperluan masyarakat dan memberi penekanan kepada reka bentuk sejagat dalam menjadikan Pulau Pinang sebuah bandar raya inklusif, selamat dan berdaya tahan.

"MBPP sentiasa peka dengan keperluan pelbagai golongan masyarakat, kita menyokong inisiatif ini.

"Semua PBT dan anggota MALA komited untuk memastikan orang kurang upaya (OKU) turut menerima hak dan peluang yang sama dalam semua aspek kehidupan.

"Kami mengutamakan penyediaan kemudahan yang lebih baik dan mesra pengguna," jelasnya.

**IKLAN JAWATAN KOSONG**
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

Warganegara Malaysia yang berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Seberang Perai seperti berikut :

| BIL | JAWATAN | GRED | TARAF | KEKOSONGAN |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Pegawai Perubatan | UD47 | Tetap | 1 |
| 2. | Pegawai Teknologi Maklumat | F41 | Kontrak | 2 |
| 3. | Pegawai Undang-Undang | L41 | Tetap | 1 |
| 4. | Arkitek Landskap | J41 | Tetap | 1 |
| 5. | Penolong Pegawai Tadbir | N29 | Tetap | 2 |
| 6. | Penolong Pegawai Penguatkuasa | N29 | Tetap | 1 |
| 7. | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat | FA29 | Tetap/Kontrak | 5 |
| 8. | Penolong Pegawai Perancang Bandar & Desa | JA29 | Tetap | 1 |
| 9. | Penolong Jurutera (Awam) | JA29 | Kontrak | 2 |
| 10. | Pembantu Penguatkuasa | KP19 | Kontrak | 70 |
| 11. | Penjaga Jentera Elektrik | J19 | Kontrak | 1 |
| 12. | Pembantu Kesihatan Awam | U19 | Tetap | 1 |
| 13. | Pembantu Kemahiran (Jurugegas) | H19 | Kontrak | 1 |
| 14. | Jurubahasa (Bahasa Cina) | L19 | Tetap | 1 |
| 15. | Penghantar Notis | N11 | Tetap | 1 |
| 16. | Pembantu Operasi | N11 | Tetap | 3 |
| 17. | Pengawal Keselamatan | KP11 | Tetap | 1 |
| 18. | Pemandu Kenderaan | H11 | Kontrak | 35 |
| 19. | Pembantu Awam | H11 | Kontrak | 217 |

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN**
Iklan ini juga disiarkan di dalam akhbar Sinar Harian, The Star, Kwong Wah Yit Poh dan Malaysian Nanban pada **26 FEBRUARI 2019.** Tarikh tutup iklan pada **11 MAC 2019.**

**SYARAT LANTIKAN**
Syarat lantikan secara terperinci berserta dengan maklumat lanjut berkenaan dengan jawatan-jawatan yang diiklankan boleh diperolehi dengan melayari laman web e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai di www.mpsp.gov.my.

**CARA MEMOHON**
Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari sistem e-jawatan Majlis Perbandaran Seberang Perai dan membuat permohonan secara atas talian (*online*) sahaja dengan mengisi maklumat yang diperlukan di www.mpsp.gov.my.

**CATATAN AM**
(a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga.
(b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
(c) Pemohon-pemohon yang telah mendaftar di laman e-jawatan MPSP hendaklah mengemaskini semua maklumat permohonan sebelum memohon jawatan yang diiklankan.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi Bahagian Perjawatan di talian 04-5497 732/ 04-5497 431/ 04-5497 430 atau email ke perjawatan@mpsp.gov.my.

1

# *Pedestrian is King 2.0* demi tingkat keselamatan pejalan kaki

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) melancarkan kempen *Pedestrian is King 2.0* sebagai inisiatif untuk meningkatkan keselamatan pejalan kaki.

Ahli Majlis bagi MBPP, Shahrudin Mohamed Shariff menyatakan bahawa melalui kempen tersebut, pihaknya akan memastikan kawasan kaki lima bebas daripada sebarang halangan sama ada (halangan) kekal mahupun separa kekal supaya keselamatan pejalanan kaki adalah lebih terjamin.

"Sekarang, kita (MBPP) akan tumpukan di tiga kawasan iaitu di Lebuh Melayu, Lebuh King dan Jalan Datuk Keramat ekoran terdapat pengusaha premis makanan bertindak meletakkan halangan di laluan pejalan kaki.

"Justeru, kempen *Pedestrian is King 2.0* dilaksanakan untuk memastikan tidak ada sebarang bentuk halangan diletakkan di laluan pejalan kaki sebagaimana termaktub dalam akta dan undang-undang (Seksyen 46, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974) sedia ada.

"Bukan itu sahaja, kita (MBPP) juga akan melaksanakan kempen pendidikan kepada pemilik-pemilik premis selaras dengan dasar *community engagement* yang diamalkan MBPP," ujarnya pada sidang media sempena program mengedar risalah berkaitan kempen berkenaan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Tan Seng Keat, Tan Hooi Peng dan Rohaizat Hamid serta Jurutera Kanan Lalu Lintas dan Pengangkutan Awam, Zainuddin Mohamad Shariff.

Dalam pada itu, Seng Keat menyatakan bahawa keselamatan pejalan kaki merupakan isu penting dalam menjayakan program *Pedestrian is King 2.0*.

Sebagai rekod, kempen *Pedestrian is King* mula dilaksanakan pada tahun 2015 bermula di Lebuh Chulia.



SHAHRUDIN Mohamed Shariff.



SALAH satu bentuk halangan.

## MPSP sasar 30 kompleks makanan guna sistem pengurusan perangkap minyak bersepadu tahun ini

Oleh : **SUNARTI YUSOFF**

**TELOK AYER TAWAR –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bakal memperluaskan pelaksanaan sistem perangkap minyak bersepadu kepada 30 kompleks makanan di seluruh Seberang Perai pada tahun ini.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, pelaksanaan tersebut bakal melibatkan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM2 juta.

"Pada peringkat permulaan, sebanyak lima lokasi telah siap dilaksanakan dengan jayanya iaitu di Kompleks Makanan Jalan Mohd. Saad, Kompleks Makanan Tun Dr. Awang, Kompleks Makanan Taman Desa Murni, Kompleks Makanan Taman Guar Perahu serta Kompleks Makanan Taman Guru melibatkan 78 gerai dengan kos berjumlah RM204,647.

"MPSP telah memasang perangkap minyak di kompleks-kompleks makanan ini pada September tahun lepas dan melantik syarikat Kitaran Potensi Sdn. Bhd. sebagai kontraktor untuk melakukan kerja pembersihan, penyelenggaraan serta pemantauan pada setiap bulan.

"Perangkap ini direka untuk menapis lemak, minyak dan gris bagi menghalang sisa makanan daripada tersumbat di dalam saluran paip atau dilupuskan terus ke longkang sekaligus membantu pengusaha restoran mengekalkan kebersihan premis makanan mereka," katanya sempena program Lawatan Tapak Management By Walking Around dekat Kompleks Makanan Taman Tun Dr. Awang di sini pada 14 Februari lalu.



SR. Rozali Mohamud (kanan sekali) menunjukkan sisa minyak yang terperangkap selepas pemasangan sistem perangkap minyak bersepadu bersempena program Lawatan Tapak Management By Walking Around di sini baru-baru ini.

Justeru, Rozali menegaskan bahawa tindakan tegas akan dikenakan terhadap mana-mana pengusaha restoran yang gagal memberikan kerjasama dalam menyelenggara perangkap minyak di premis masing-masing.

"MPSP tidak akan teragak-agak untuk menarik balik penyewaan sekiranya peniaga enggan bekerjasama dalam menyelenggara perangkap minyak di dalam premis mereka," ujar beliau.

## MPSP fokus bantu golongan B40 jana ekonomi melalui bidang perniagaan

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) terus melaksanakan pelbagai garis panduan yang memberi kemudahan kepada golongan berpendapatan kurang RM3,000 (B40) untuk menjana ekonomi melalui bidang perniagaan.

Yang di-Pertuanya, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata, antara yang bakal diperkenalkan pada tahun ini adalah garis panduan berkaitan trak makanan dan perkhidmatan trak termasuk perniagaan tidak berisiko.

"2019 adalah tahun berpaksikan rakyat yang mana kita (MPSP) melaksanakan pelbagai garis panduan yang memberi kemudahan kepada golongan B40 untuk memulakan perniagaan atau meneruskan perniagaan.

"MPSP juga membuat garis panduan bagi perniagaan tidak berisiko di kampung-kampung yang mana mereka mempunyai perniagaan jenis ini tidak dapat memohon lesen (perniagaan) kerana dasar yang ada sekarang tidak membolehkan mereka memohon (lesen perniagaan tidak berisiko).

"Oleh itu, MPSP membuat dasar untuk memudahkan permohonan dan memberi peluang kepada mereka untuk berniaga sekaligus membantu golongan B40 untuk menjana ekonomi sendiri," katanya selepas Majlis Perhimpunan Korporat Kakitangan MPSP dekat Bandar Perda di sini 15 Februari lalu.

Mengulas lanjut, Rozali memberitahu bahawa MPSP juga bakal mengadakan ruang perniagaan berbentuk dataran serba guna yang boleh digunakan untuk pelbagai aktiviti termasuk perniagaan.

"Di samping itu, turut akan diadakan adalah santai pengusaha, dan kita (MPSP) akan menjemput pihak bank, Majlis Amanah Rakyat (MARA), institusi kewangan serta pembuat reka bentuk trak makanan.

"Dari sini mereka boleh berbincang dan memilih syarikat mana yang menawarkan harga berpatutan dan boleh terus memohon pinjaman dengan bank dan sekiranya pinjaman diluluskan, kita akan terus beri lesen," jelas beliau.

# ADUN umum dua berita gembira buat penjaja Kompleks Batu Lancang

**BATU LANCANG –** Penjaja-penjaja dekat Kompleks Batu Lancang bakal menikmati suasana lebih selesa apabila masalah yang membelenggu mereka sejak sekian lama bakal diatasi tidak lama lagi.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong berkata, penjaja di kompleks berkenaan sebelum ini berdepan dengan dua masalah utama iaitu kerosakan pada penyejuk udara dan tekanan air yang sangat rendah.

"Baru-baru ini, kita telah mendapatkan kelulusan daripada pihak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk memasang dua unit penyejuk udara baharu dengan kos kira-kira RM80,000 yang bakal dipasang pada Mac atau April ini.

"Manakala bagi masalah tekanan air rendah pula, saya telah berbincang dengan pihak MBPP untuk membaiki sistem perpaipan yang dijangka akan dimulakan pada tahun ini atau selewat-lewatnya tahun depan.

"Hal ini kerana mereka (MBPP) perlu membuat pemetaan terlebih dahulu untuk mengenal pasti sistem perpaipan yang perlu dibina baharu, dan seterusnya menentukan kos diperlukan sebelum kerja-kerja dimulakan," katanya pada sidang media pada program mengedar buah limau mandarin sempena sambutan Tahun Baru Cina dekat Kompleks Batu Lancang di sini 8 Februari lalu.

Turut serta, Ahli Parlimen Jelutong R.S.N. Rayer.

Pada program tersebut, sebanyak 50 kotak limau diedarkan kepada penjaja-penjaja serta pengunjung kompleks berkenaan.

Dalam pada itu, Rayer memaklumkan bahawa penjaja-penjaja di kompleks berkenaan turut berdepan masalah berkaitan kes kecurian yang dilihat semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini.

"Walaupun pasar ditutup pada waktu malam dan dikawal oleh pengawal keselamatan, tapi tetap juga berlaku masalah kecurian.

"Justeru, kita akan berbincang dengan pihak MBPP untuk mengetahui sama ada mereka mempunyai peruntukan untuk memasang kamera litar tertutup (CCTV) di kompleks ini bagi mengatasi masalah kes kecurian," ujarnya.



**ONG Ah Teong (kiri sekali) dan R.S.N. Rayer (empat dari kanan) mengedarkan limau mandarin kepada para pengunjung Kompleks Batu Lancang di sini baru-baru ini.**

# Penduduk Kampung Dodol gotong-royong banteras nyamuk aedes

Teks & Gambar : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**DATUK KERAMAT -** Kira-kira 100 penduduk Kampung Dodol dekat sini bersama-sama menjayakan Program Gotong-Royong Perdana 2019 dalam usaha membanteras pembiakan nyamuk aedes.

Program anjuran Persatuan Penduduk Kawasan Kampung Dodol bersama-sama agensi-agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), badan beruniform, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan swasta itu turut dihadiri Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan tersebut, Jagdeep Singh Deo.

Ketika menyampaikan ucapan penutup, Jagdeep menyatakan bahawa terdapat beberapa kawasan di negeri ini yang berhadapan dengan masalah penularan wabak denggi.

"Maka dengan adanya program gotong-royong seumpama ini, saya percaya kita dapat membendungnya daripada menular.

"Di samping itu, aktiviti yang dianjurkan bersama-sama agensi berwajib ini juga dapat membantu memupuk kesedaran dalam kalangan penduduk di Kampung Dodol ini supaya lebih peka menjaga kebersihan persekitaran," katanya yang turut menggesa penduduk supaya membersihkan kawasan rumah masing-masing dari semasa ke semasa agar tidak menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes.

Dalam program sama, Jagdeep turut berkesempatan menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan mewarna yang diadakan serentak dengan penganjuran program tersebut.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Penasihat Persatuan Penduduk Kawasan Kampung Dodol, Tan Sri Datuk Seri Mohd. Yussof Latiff; Pengerusi Jawatankuasa Pelaksanaan Program, Abdul Kader Md. Ali; Pengerusi Persatuan Penduduk Kawasan Kampung Dodol, Meerasa Mastan serta wakil-wakil agensi kerajaan terlibat dan pimpinan tempatan.



**JAGDEEP Singh Deo (berdiri, kiri sekali) menyampaikan hadiah peraduan mewarna yang diadakan bersempena Program Gotong-Royong Perdana 2019 di sini baru-baru ini.**

# ADUN seru lebih ramai dermawan tampil bantu pesakit kanser

**SEBERANG JAYA –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya, Dr. Afif Bahardin menyeru lebih ramai dermawan di negeri ini untuk tampil membantu golongan yang memerlukan terutamanya pesakit-pesakit kanser tanpa mengira bangsa dan agama.

Katanya, amalan menderma dan seumpamanya merupakan salah satu langkah proaktif boleh diambil oleh setiap lapisan masyarakat ke arah memperkasakan ekonomi pesakit-pesakit kanser yang tidak berkemampuan.

"Di samping itu, kita juga berupaya membentuk satu kekuatan ekonomi melalui pewujudan sebuah dana yang besar serta boleh berperanan membangunkan sosioekonomi masyarakat dengan lebih berkesan.

"Perkara ini haruslah digerakkan secara serius melalui penyediaan prasarana secara profesional serta mendapat sokongan padu daripada semua lapisan masyarakat, termasuk agensi-agensi kerajaan serta swasta," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Pesakit Kanser Sempena Sambutan Tahun Baru Cina dekat Hospital Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

Turut serta, Pengerusi Badan Sokongan Pesakit Kanser Daerah Seberang Perai, Dr. Imran Abdul Khalid; Pengarah Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Dr. Wan Mansor Hamzah, Pengarah Hospital Seberang Jaya, Dr. Saiful Azlan Sharif; timbalan-timbalan pengarah; wakil-wakil jabatan serta badan-badan bukan kerajaan.

Justeru, Afif yang juga Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan menzahirkan ucapan penghargaan kepada Badan Sokongan Pesakit Kanser yang banyak melaksanakan agenda bagi membantu golongan berkaitan di negeri ini.

"Memandangkan Badan Sokongan Pesakit Kanser telah banyak melaksanakan program amal, maka saya berharap agar ahli jawatankuasa terus mempelopori agenda yang dirancang dengan lebih memfokuskan kapada usaha-usaha ke arah memperkasakan ekonomi pesakit-pesakit kanser di samping dapat menyuntik semangat bagi mereka untuk meneruskan kehidupan seperti insan-insan lain.

"Saya yakin, dengan kekuatan sedia ada yang dimiliki oleh badan ini serta dibantu hasil sumbangan daripada syarikat-syarikat, individu-individu dan orang-perseorangan, secara tidak langsung usaha-usaha pembangunan ekonomi ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih berjaya," ujarnya.

# Pejabat Kesihatan DTL terima 50 kerusi roda sumbangan Ahli Parlimen

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BATU LANCANG –** Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut (DTL) Jalan Perak menerima 50 unit kerusi roda hasil sumbangan Ahli Parlimen Jelutong, R.S.N. Rayer.

Sumbangan itu merupakan inisiatif Rayer dalam membantu agensi Kerajaan Persekutuan melibatkan fasiliti kesihatan yang disifatkannya perlu diutamakan.

Katanya, beliau telah lama menyimpan niat dan hasrat untuk membantu agensi Kerajaan Persekutuan dahulu, tetapi menghadapi kekangan.

"Hasil perubahan yang dilakukan pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu, kini kita boleh masuk dan bantu menyalurkan keperluan seperti ini.

"Di Parlimen pun kerap kali saya bangkitkan isu kemudahan-kemudahan berkaitan hospital kerana hari ini kalau dilihat hospital kerajaan… tidak keterlaluan disifatkan sebagai daif dan perlu dinaik taraf segera," ujarnya sambil menyatakan kesediaan beliau untuk memberikan bantuan terbaik sekiranya pusat kesihatan berkaitan memerlukan sebarang bantuan selepas ini.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Kerusi Roda Oleh Ahli Parlimen Jelutong Ke Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut di sini 15 Februari lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong dan ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim.

Sumbangan tersebut disampaikan kepada Pegawai Kesihatan DTL, Dr. Azizah Abdul Manan.

Dalam pada itu, Azizah ketika berucap menyifatkan bahawa sumbangan tersebut adalah amat dialu-alukan dan diterima tepat pada masanya.

"Terima kasih atas keprihatinan Y.B. (Rayer), sumbangan seperti ini sememangnya amat kami alu-alukan kerana boleh saya katakan 50 peratus daripada kerusi roda di sini telah rosak.

"Semoga hubungan baik ini dapat ditingkatkan lagi selepas ini agar masyarakat di sini mendapat manfaat sewajarnya," jelasnya.



**R.S.N. Rayer, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan pihak-pihak berkaitan bergambar kenangan pada Majlis Penyerahan Kerusi Roda oleh Ahli Parlimen Jelutong kepada Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.**

## Dedahkan pelajar dengan aktiviti luar

**PULAU BETONG –** Bukan sahaja guru dan pelajar perlu diingatkan mengenai kemahiran pendekatan STEAM (sains, teknologi, kejuruteraan, kesenian dan matematik), malah ibu bapa juga perlu cakna mengenai elemen tersebut.

Seruan tersebut dibuat Ahli Parlimen Balik Pulau, Muhammad Bakhtiar Wan Chik ketika Majlis Perasmian Kelas Tuisyen Percuma di Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau di sini 27 Januari lalu.

Muhammad Bakhtiar menyatakan bahawa kesedaran itu perlu kerana sesetengah ibu bapa hanya memberi tumpuan kepada pencapaian akademik semata-mata iaitu daripada segi peningkatan gred dalam mata pelajaran.

"Seseorang pelajar seharusnya *enjoy* untuk belajar, guru dan ibu bapa seharusnya kenalkan mereka dengan banyak dunia luar bukan di dalam bilik darjah dan rumah semata-mata.

"Biarkan pelajar ini bebas bergerak, jalankan aktiviti luar kerana ini adalah sebahagian daripada pembesaran penting seseorang kanak-kanak.

"(Pendedahan) perkara inilah yang menjadikan mereka lebih kreatif, apabila pelajar ini banyak menjalankan aktiviti atau program luar, maka mereka akan lebih sibuk dengan aktiviti menyihatkan.

"Ini sekaligus menghindarkan mereka daripada gejala-gejala negatif dan secara tidak langsung lahirlah pelajar berkemahiran kreatif, kritis serta mempunyai sahsiah diri," ujarnya pada majlis berkaitan.

Inisiatif tersebut adalah hasil kerjasama di antara Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau dengan Penggerak Komuniti Muda (PEKA) untuk pelajar yang bakal menduduki peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Difahamkan, seramai 67 pelajar di sekitar parlimen berkenaan telah mendaftarkan diri masing-masingnya 20 pelajar bagi UPSR, PT3 (26) dan SPM (21).

Mengulas lanjut mengenai inisiatif itu, Muhammad Bakhtiar yang juga Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya memberitahu bahawa tuisyen percuma berkenaan difokuskan kepada anak-anak dalam golongan isu rumah berpendapatan rendah (B40) sebagai membantu pelajar-pelajar luar bandar menguasai mata pelajaran sains, matematik dan Bahasa Inggeris.

"Ini merupakan mata pelajaran yang didapati pelajar-pelajar luar bandar seperti Balik Pulau ini sukar kuasai dan lemah.

"Selain itu, ibu bapa juga boleh menjimatkan perbelanjaan di antara RM200 hingga RM300 untuk menghantar anak-anak mereka ke pusat tuisyen berbayar kerana seperti kita sedia maklum, yuran tuisyen kini mencecah RM50 bagi satu mata pelajaran.

"Kita masih mempunyai kira-kira 23 kekosongan, diharap para ibu bapa (B40) mengambil peluang ini mendaftarkan anak-anak mereka dengan segera," serunya.

Serentak itu, Muhammad Bakhtiar turut bercadang untuk memperluaskan inisiatif (kelas tuisyen percuma) berkenaan ke kawasan Bayan Lepas dan Teluk Bahang.

"Terdapat permintaan untuk mengadakan tuisyen percuma ini di kawasan yang dimaklumkan, kita akan usahakan agar inisiatif ini lebih menyeluruh kepada masyarakat di kawasan Parlimen Balik Pulau," jelasnya.




**MUHAMMAD Bakhtiar Wan Chik (kiri sekali) ketika memberi ucapan pada Majlis Perasmian Kelas Tuisyen Percuma di Pusat Khidmat Parlimen Balik Pulau di sini baru-baru ini.**

## Karnival Kenduri dan Sukan Rakyat erat silaturahim penduduk

**SERI DELIMA –** Kira-kira 2,000 penduduk setempat menyertai program Karnival Kenduri dan Sukan Rakyat 2019 yang berlangsung meriah di sini baru-baru ini.

Program anjuran Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Sungai Gelugor, Masjid Sungai Gelugor serta Pejabat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seri Delima itu turut diisi dengan pelbagai aktiviti menyeronokkan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seri Delima, Syerleena Abdul Rashid berkata bahawa pengisian program seperti permainan sukan tradisi, perhiasan menggunakan tuala serta penyediaan lauk-pauk untuk jamuan kampung mampu menonjolkan identiti dan budaya masyarakat Melayu di negeri ini.

Malah, tambah beliau, penganjuran aktiviti tersebut juga dapat memberi peluang kepada generasi baru untuk merasai kehidupan kampung yang menjadi warisan nenek moyang sejak dahulu lagi.

"Dengan ini, dapatlah kita menyemarakkan lagi nilai-nilai dan keunikan sukan ini serta dapat mengekalkan pula warisan budaya kita daripada ditenggelami arus kemodenan.

"Dalam konteks ini, orang ramai khususnya generasi muda diseru untuk sama-sama berusaha supaya sukan tradisi kembali mendapat sambutan dalam kalangan generasi muda hari ini," katanya.

Turut serta, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh.



**SYERLEENA Abdul Rashid (bertudung merah), barisan penganjur dan penduduk setempat bergambar kenangan bersama-sama kanak-kanak yang mengambil bahagian di dalam peraduan mewarna bersempena penganjuran Karnival Kenduri dan Sukan Rakyat 2019 di sini baru-baru ini.**

## Bakat Si Cilik - Mewarna 1/2019





Sila isi butiran berikut:

Nama : ____________

No. My Kid/ Kad Pengenalan: ____________

Alamat: ____________

____________

Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ____________

No. Telefon : (Rumah) ________ (Bimbit) : ________

Emel: ____________

Terma & Syarat Peraduan:

1. Mewarna : Peraduan dibuka dari 1 Februari 2019 hingga 31 Mei 2019.
2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.
3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.
4. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan.
5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.
6. Keputusan pengadil adalah muktamad.
7. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan penganjur adalah tidak sah.
8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.
9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:
   Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,
   Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiah:**

**Pertama: RM250**
**Kedua: RM150**
**Ketiga: RM100**